

نور اليقين

فى

سيرة سيد المرسلين

للشيخ محمد الخضرى

{ رحمه الله }

كتاب مختصر يبحث فى سيرة النبي ﷺ العطرة من الولادة إلى الوفاة وما بينهما من نشأة وبعثة ومحنة وتعذيب وإسراء وطلب نصره وهجرة ومعارك وعهود ومواثيق وغير ذلك من الأمور التي تتعلق بسيرته الشريفة ﷺ

MUKADIMAH PENGARANG

Kami bersyukur dan memuji-Mu ya Allah yang telah menunjukkan kepada kami jalan hidayat dan menghilangkan kesesatan daripada pandangan mata kami. Kami berselawat ke atas junjungan besar nabi Muhammad s.a.w. yang Engkau utuskan sebagai saksi, pemberi berita gembira, penyampai amaran, penyeru kepada Allah dengan izin-Nya dan menjadi cahaya yang menerangi. Begitu juga kepada para sahabat yang keluar berhijrah untuk mencari kurniaan dan keredhaan Allah, dan golongan Ansar yang memberikan tempat perlindungan, bantuan dan mengorbankan apa yang mereka kumpulkan dan mereka simpan demi keagungan ad-Din Islam.

Selanjutnya, Muhammad al-Khudhori bin al-Marhum al-Syeikh 'Afifi al-Bajuri berkata: Semenjak kecil lagi saya gemar dan merasa tertarik untuk membaca sejarah-sejarah dan kisah-kisah orang terdahulu. Saya dapati di dalamnya terdapat pengajaran yang paling baik dan guru yang paling berharga kepada manusia. Saya dapati di dalam sejarah Nabi kita s.a.w.; Baginda saw. menghadapi penyeksaan yang dilakukan oleh kaumnya sendiri. Baginda menghadapinya dengan kesabaran yang tinggi ketika menyeru mereka kepada kebenaran sehingga Baginda saw terpaksa berhijrah meninggalkan tanahair sendiri. Semua ini merupakan pendidikan terbesar kepada pemikiran umat Islam. Semua itu menunjukkan kepada mereka apa yang mesti mereka lakukan dan apa yang mesti ditinggalkan supaya mereka berjaya sebagaimana orang terdahulu telah berjaya. Khususnya.

- dalam perkara yang berkaitan dengan para penguasa sehingga berjaya menarik hati yang berjauhan dan mengikat hati yang berbagai-bagai kerenah,
- dalam perkara yang berkaitan dengan ketua-ketua tentera sehingga mampu menyediakan wira-wira dan mempersiapkan persediaan sehingga berjaya meraih kemenangan dalam menghadapi musuh.
- dalam perkara yang berkaitan dengan orang ramai sehingga berjaya menyatukan hati mereka dan menjadikan mereka bersatu padu dalam menghadapi musuh.

مقدمة المؤلف

نحمدك يا من أوضحت لنا سُبُل الهداية، وأزحت عن بصائرنا غشاوة الغواية، ونصلي ونسلم على من أرسلته شاهداً ومُبشراً ونذيراً، وداعياً إلى الله بإذنه وسراجاً منيراً، وعلى الأصحاب الذين هجروا الأوطان يبتغون من الله الفضل والرضوان، والأنصار الذين آووا ونصروا وبذلوا لإعزاز الدين ما جمعوا وما أدخروا.

أما بعد، فيقول مُحمَّد الخضري ابن المرحوم الشيخ عفيفي الباجوري: كنت أجد من نفسي منذ النشأة الأولى ارتياحاً لقراءة تواريخ السالفين وقصص الغابرين، وأجدها لعقل الإنسان أحسن مهذب، وأنصح معلِّم، وكنت أرى في تاريخ نبينا - عليه الصلاة والسلام - وما لقيه من أذى قومه حينما دعاهم إلى الحق، وعظيم صبره حتى هجر أوطانه وبلاده، أعظم مُربِّ لأفكار المسلمين، فإنه يدهم على ما يجب اتباعه، وما يلزم اجتنابه، ليسودوا كما ساد سابقوهم، وخصوصاً ما يتعلق بالحكام، من اجتذاب النفوس النافرة، والتأليف بين القلوب المختلفة، وما يتعلق بقواد الجيوش، من تأليف الرجال وإحكام المعدّات حتى يتم لهم النصر على أعدائهم، وما يتعلق بالعامّة، من اتحاد قلوبهم وصيورتهم يداً على من سواهم.

Melalui pembacaan terhadap sejarah nabi Muhammad s.a.w., saya dapat kepuasan yang tinggi. Hati kecilku menangisi sikap muslimin yang tidak memberikan perhatian kepadanya. Saya dapati amat sedikit mereka yang prihatin terhadap persoalan tersebut. Walau bagaimanapun, saya maafkan mereka disebabkan kitab-kitab yang dikarang di bawah tajuk ini terlalu tebal.

Apabila tiba di bandar al-Mansurah, saya dipertemukan dengan Qadhi mahkamah al-Mansurah, Mahmud Bik Salim; seorang ulama berilmu luas yang tiada tandingan. Setiap kali masalah agama dikemukakan, saya dapati beliau seorang yang terkedepan dan mampu memberikan jawapannya.

Mengenai pengetahuannya di bidang sirah Rasulullah s.a.w., beliau mempunyai ilmu yang mendalam mengenainya. Saya pernah mendengar hasratnya untuk mengarang kitab sirah Rasulullah s.a.w. yang tidak tebal dan berbelit-belit supaya faedahnya dapat diperolehi oleh muslimin seluruhnya. Dengan itu saya berkata: Ya Allah, keinginan Syeikh ini selari dengan cetusan hatiku! Walau bagaimanapun, saya dapati keazaman yang saya miliki masih tidak mampu melaksanakan keinginan dan cita-citanya itu. Ini kerana kerja-kerja tersebut bukanlah senang. Disebabkan banyak mendengar keinginan para ulama al-Mansurah untuk mewujudkan kitab yang amat besar faedahnya, maka saya merasakan ia mesti dilaksanakan.

Dengan itu, saya melaksanakan tugas tersebut dalam keadaan mengharap agar Allah memberikan taufiq hidayat-Nya kepadaku agar apa yang aku lakukan adalah selari dengan apa yang diredhai-Nya dan mengizinkan untuk menyiapkannya. Saya berjaya melaksanakan tugas tersebut sehingga selesai. Al-Hamdulillah, akhirnya sebuah kitab mengenai sirah Rasulullah s.a.w. siap dikarang dalam bentuk yang mudah difahami dan tidak berbelit-belit sehingga dapat dimanfaatkan oleh orang ramai dan menjadi rujukan kepada golongan tertentu.

فكنتُ أجد من قراءتها ارتياحاً عظيماً، وكانت نفسي كثيراً ما تأسف على ترك المسلمين لها، فقلّما أجد من يشتغل بها، ولكنني كنت أقدم لهم العذر بتطويل الكتب المؤلفة في هذا الموضوع. فلما قدمت مدينة المنصورة جمعتني النوادي مع محمود بك سالم، القاضي بمحكمة المنصورة المختلطة، فوجدت منه علماً بدينه تقف دونه فحول الرجال، وتتأخر عن مسابقتها فيه الأبطال، فقلّما توضع مسألة دينية إلا وجدته مبرزاً فيها، مفصلاً عن الجواب عنها. أما علمه بسيرة الرسول الأكرم ﷺ فعنده منها الخبر اليقين، وكنت كثيراً ما أسمعته يتشوّف لعمل سيرة خالية من الحشو والتعقيد تنتفع بها عامّة المسلمين، فقلت: يا لله لقد وافق هذا السيد الكريم ما في نفسي، ولكنني كنت أرى في عزمي قصوراً عن تنفيذ رغبته وتتميم أمنيته، فإن المقام عظيم، وصعوباته أعظم. ولكن لم أر من الأمر بُدّاً تلقاء ما كنت أسمع من كبار رجال المنصورة، فإنهم أكثر من الأمايي لعمل هذا الكتاب، العميم النفع، الجزيل الفائدة، فقامت معتمداً على الله راجياً منه أن يوفّقني لما فيه رضاه، وواصلت السَيْرَ بالسُرَى حتى بلغت المنى، فجاء بحمد الله، سهل المنال، عذب المورد، تنتفع به العامّة، وترجع إليه الخاصّة.

Sumber rujukanku dalam mengarang kitab ini ialah;

1. Al-Qur'an al-Karim
2. Hadith-hadith sahih yang diriwayatkan oleh imam Bukhari dan Muslim.

Saya hanya merujuk kepada kedua-dua sumber tersebut kecuali ketika terpaksa untuk memahami maksud yang ingin disampaikan oleh kedua-duanya. Dalam masalah ini, kitab **Syifa'** karangan al-Qadhi Iyadh, **al-Sirah al-Halabiyah**, **al Mawahib al-Laduniyyah** karangan al-Qastholani dan **Ihya' 'Ulum al-Din** karangan al-Ghazali banyak membantuku.

Buat akhirnya, kami memohon kepada Allah yang luas pemberian-Nya agar memberikan taufiq hidayah kepada para imam dan pemimpin kita untuk mengikut jejak langkah junjungan besar kita Rasulullah s.a.w. dan menghidupkan kembali petunjuk-petunjuk agama sehingga mereka mendapat pertolongan daripada Allah. Sekarang tiba masanya untuk kita mengemukakan kandungan buku ini dengan mengharap pertolongan daripada Allah.

وقد كان موردي في تأليفه: القرآن الشريف، وصحيح السنّة مما رواه الإمامان البخاري ومسلم، ولم أخرج عنهما إلا فيما لا بدّ من تفهيم العبارات، فكان يساعدي «الشفاء» للقاضي عياض و«السيرة الحلبية» و«المواهب اللدنية» للقسطلاني، و«إحياء علوم الدين» للغزالي. هذا، وأسأل الله من فيض فضله أن يوفّق أئمتنا وأمرأنا للاقتداء بسيدنا ومولانا رسول الله ﷺ، وإحياء معالم دينه حتى يؤيّدوا بروح من عند الله. وقد آن أن نشرع فيما قصدناه مستعينين بحول الله فنقول:

KETURUNAN RASULULLAH S.A.W

Manusia menjadi mulia dengan kehadirannya, baginda ialah **MUHAMMAD bin ABDULLAH**. Ibunya bernama Aminah binti Wahab az-Zuhriyyah al-Quraisyiyah. Suaminya **Abdullah adalah anak kepada ABDUL MUTTALIB** hasil perkahwinannya dengan Fatimah bin 'Amru al-Makhzumiyyah al-Quraisyiyah. Abdul Muttalib adalah seorang pemimpin yang disegani di kalangan orang-orang Quraisy. Mereka mendapatkan pandangannya dalam menyelesaikan permasalahan-permasalahan yang timbul dan mendahulukannya dalam urusan-urusan yang penting. **Abdul Muttalib adalah anak kepada HASYIM** hasil perkahwinannya dengan Salma binti 'Amru an-Najjariyyah al-Khazrajiyyah. **Hasyim pula adalah anak ABDU MANAF** yang berkahwin dengan 'Atikah binti Murrah al-Salimiyyah. **Abdu Manaf adalah anak kepada QUSAY** yang berkahwin dengan Hubay binti Hulail al-Khuza'iyyah".

Pada zaman jahiliah, Jabatan Hijabah Baitullah (mengurus Baitullah), Jabatan Siqayah (memberi minum kepada jamaah haji), Jabatan Rifadah (memberi makan kepada jamaah haji), Jabatan Nudwah (permesyuaratan) dan Jabatan Liwa' (panglima perang) semuanya disandang oleh Qusay. Mesyuarat tidak akan mengambil sesuatu keputusan kecuali di rumahnya. Ketika ajal hampir tiba, dia menyerahkan semua jabatan tersebut kepada salah seorang anaknya iaitu Abdul Dar. Walau bagaimanapun, bani Abdu Manaf bersepakat untuk tidak membiarkan bani Abdul Dar memonopoli semua kebanggaan tersebut. Tentangan tersebut hampir-hampir mencetuskan perang saudara. Tetapi ia dapat diselesaikan secara bijaksana oleh kedua-dua pihak. Mereka mengambil keputusan untuk menyerahkan Jabatan Siqayah dan Jabatan Rifadah kepada bani Abdu Manaf. Kedua-dua jabatan tersebut kekal berada di tangan mereka sehingga ia dipegang oleh al-Abbas bin Abdul Muttalib. Selepas al-'Abbas meninggal dunia, jabatan tersebut diserahkan kepada anaknya.

Jabatan Hijabah diserahkan kepada bani Abdul Dar. Penyerahan tersebut diiktiraf oleh syarak dan tugas tersebut masih dipegang oleh mereka sehingga sekarang. Mereka ialah bani Syaibah bin 'Uthman bin Abu Talhah bin Abdu al-Uzza bin 'Uthman bin Abdul Dar.

النسب الشريف

السيد الأكرم الذي شرف الناس بوجوده هو: (مُحَمَّد بن عبد الله) من زوجه آمنة بنت وَهَب الزُّهْرِيَّة القرشية. (ابن عبد المطلب) من زوجه فاطمة بنت عمرو المخزومية القرشية. وكان عبد المطلب شيخاً معظماً في قريش يَصُدُّون عن رأيه في مشكلاتهم ويقدمونه في مهماتهم. (ابن هاشم) من زوجه سلمى بنت عمرو النجارية الخزرجية. (ابن عبد مناف) من زوجه عاتكة بنت مُرَّة السلمية. (ابن قُصَيِّ) من زوجه حُجَيِّ بنت حُلَيْل الخزاعية، وكان إلى قصيِّ في الجاهلية حجابة البيت، وسقاية الحاج، وإطعامه المسمى بالرفادة، والندوة وهي الشورى لا يتم أمر إلا في بيته، واللواء، لا تعقد راية لحرب إلا بيده. ولما أشرف على الموت جعلها في يد أحد أولاده عبد الدار، لكن بنو عبد مناف أجمعوا رأيهم على ألا يتركوا بني عمهم عبد الدار يستأثرون بهذه المفاخر، وكاد يفضي الأمر إلى القتال لولا أن تدارك الأمر عقلاء الفريقين، فأعطوا بني عبد المناف السقاية والرفادة فدامتا فيهم إلى أن انتهتا للعباس بن عبد المطلب، ثم لبنيه من بعده، أما الحجابة فبقيت بيد بني عبد الدار، وأقرها لهم الشرع فهي فيهم إلى الآن. وهم بنو شيبه بن عثمان بن أبي طلحة بن عبد العزى بن عثمان بن عبد الدار،

Jabatan Liwa' juga diserahkan kepada bani Abdul Dar. Pada zaman Islam, jabatan ini telah diserahkan kepada Khalifah. Khalifah berhak menyerahkannya kepada sesiapa yang layak. Begitu juga dengan Jabatan Nudwah.

Qusay adalah anak kepada KILAB hasil perkahwinannya dengan Fatimah binti Sa'ad. Isterinya berasal dari Yaman daripada kabilah Azd Syanuah. **Kilab adalah anak kepada MURRAH** hasil perkahwinannya dengan Hindun binti Sarir daripada bani Fihir bin Malik.

Murrah adalah anak kepada KA'AB hasil perkahwinannya dengan Wahsiyah binti Syaiban, juga daripada bani Fihir. **Ka'ab adalah anak kepada LUAI** hasil perkahwinannya dengan Ummu Ka'ab iaitu Mawiyah binti Ka'ab daripada kabilah Qadhoah. **Luai adalah anak kepada GHALIB** hasil perkahwinannya dengan Ummu Luai iaitu Salma binti 'Amru al-Khuzai. **Ghalib adalah anak kepada FIHR** hasil perkahwinannya dengan Ummu Ghalib iaitu Laila binti Sa'ad daripada kabilah Huzail.

Mengikut pendapat majoriti (jumhur) ahli sejarah, Fihir adalah Quraisy. Quraisy mempunyai 12 kabilah. Kabilah tersebut ialah (1) bani Abdu Manaf bin Qusay, (2) bani Abdul Dar bin Qusay, (3) bani Asad bin Abdu al-Uzza bin Qusay, (4) bani Zahrah bin Kilab, (5) bani Makhzum bin Yaqzoh bin Murrah, (6) bani Taim bin Murrah, (7) bani 'Adi bin Ka'ab, (8) bani Sahm bin 'Amru bin Hushoish bin Ka'ab, (9) bani 'Amir bin Luai, (10) bani Taim bin Ghalib, (11) bani al-Harith bin Fihir dan (12) bani Muharib bin Fihir. Orang-orang Quraisy yang tinggal di kota Mekah dipanggil sebagai Quraisy kota dan yang tinggal di sekitarnya dipanggil sebagai Quraisy pedalaman.

Fihir adalah anak kepada MALIK hasil perkahwinannya dengan Jandalah binti al-Harith daripada kabilah Jurhum. **Malik adalah anak kepada AN-NADR** hasil perkahwinannya dengan 'Atikah binti 'Adwan, daripada kabilah Qais 'Ailan. **An-Nadr adalah anak kepada KINANAH** hasil perkahwinannya dengan Barrah binti Murr binti Udd. **Kinana adalah anak kepada KHAZIMAH** hasil perkahwinannya dengan Uwanah binti Sa'ad daripada kabilah Qais 'Ailan. **Khazimah adalah anak kepada MUDRIKAH** hasil perkahwinannya dengan Salma binti Aslam daripada kabilah Qadho'ah.

وأما اللواء فدام فيهم حتى أبطله الإسلام، وجعله حقاً للخليفة على المسلمين يضعه فيمن يراه صالحاً له، وكذلك الندوة. وقصي (بن كلاب) من زوجه فاطمة بنت سعد، وهي يمانية من أزد شنوءة. (ابن مرة) من زوجه هند بنت سرير من بني فهر بن مالك. (ابن كعب) من زوجه وحشية بنت شيبان من بني فهر أيضاً. (ابن لؤي) من زوجه أم كعب مawiyyة بنت كعب من قُضاعة. (ابن غالب) من زوجه أم لؤي سلمى بنت عمرو الخزاعي. (ابن فهر) من زوجه أم غالب ليلي بنت سعد من هذيل. وفهر هو قريش - في قول الأكثرين - وكانت قريش اثنتي عشرة قبيلة: بنو عبد مناف، وبنو عبد الدار بن قصي، وبنو أسد بن عبد العزى بن قصي، وبنو زهرة بن كلاب، وبنو مخزوم بن يقظة بن ميرة، وبنو تيم بن مرة، وبنو عدي بن كعب، وبنو سهم بن عمرو بن هصيص بن كعب، وبنو عامر بن لؤي، وبنو تيم بن غالب، وبنو الحارث بن فهر، وبنو مُحارب بن فهر، والمقيمون منهم بمكة يسمون قريش البطاح، والذين بضواحيها قريش الظواهر. (ابن مالك) من زوجه جندلة بنت الحارث من جرهم. (ابن النضر) من زوجه عاتكة بنت عدوان من قيس عيّلان. (ابن كنانة) من زوجه برة بنت مُر بن أدد. (ابن خزيمة) من زوجه عوانة بنت سعد بن قيس عيّلان. (ابن مدركة) من زوجه سلمى بنت أسلم من قُضاعة.

Mudrikah adalah anak kepada **LLYAS** hasil perkahwinannya dengan Khindaf, seorang wanita yang menjadi contoh perbandingan dari segi kemuliaan dan keperkasaan. **Ilyas** adalah anak kepada **MUDHOR** hasil perkahwinannya dengan al-Rabab binti Haidah bin Mu'id. **Mudhor** adalah anak kepada **NAZZAR** hasil perkahwinannya dengan Saudah binti 'Ik. **Nazzar** adalah anak kepada **MU'ID** hasil perkahwinannya dengan Mu'annah binti Jausyam daripada kabilah Jurhum. **Mu'id** adalah anak kepada **'ADNAN**.

Silsilah keturunan yang dinyatakan adalah silsilah yang disepakati oleh ahli sejarah dan ahli hadith. Mengenai silsilah keturunan Rasulullah s.a.w. selepas 'Adnan, riwayat yang menyebut mengenainya adalah tidak sahih. Walau bagaimanapun, mereka bersepakat mengatakan bahawa keturunan Rasulullah s.a.w. sampai kepada Ismail bin Ibrahim a.s..

Keturunan Rasulullah s.a.w. adalah keturunan yang mulia sebagaimana yang kamu dapat lihat. Datuk nenek (lelaki dan perempuan) Baginda adalah orang yang menjaga kesucian diri. Benih keturunan Baginda s.a.w. berpindah dari tulang-tulang sulbi mereka kepada rahim-rahim yang suci sehingga Allah memilih pembawa petunjuk daripada kalangan mereka yang paling mulia keturunannya; iaitu daripada kabilah Quraisy yang mempunyai kedudukan yang tinggi dan terhormat di kalangan orang-orang Arab. Kamu tidak mendapati dalam silsilah datuk nenek Baginda s.a.w. kecuali mereka yang mulia. Mereka bukannya rakyat biasa. Malah semua mereka adalah pemimpin dan golongan terhormat. Begitu juga dengan ibu-ibu yang melahirkan datuk nenek Baginda S.a.w. Mereka berasal daripada kabilah-kabilah yang mempunyai kedudukan yang tinggi dan disegani. Tidak diragukan lagi bahawa kemuliaan keturunan dan kesucian orang yang melahirkan adalah syarat kenabian. Setiap perkahwinan yang dilakukan oleh datuk nenek Rasulullah s.a.w. adalah perkahwinan yang sah berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang diperakui oleh orang-orang Arab. Keturunan Rasulullah s.a.w. tidak pernah dicemari oleh perbuatan kotor (zina). Malah Allah s.w.t. menjaga kesucian keturunan Baginda daripada perkara tersebut.

(ابن إلياس) من زوجه خِنْدِفِ المضروب بها المثل في الشرف والمنعة. (ابن مُضَر) من زوجه الرباب بنت حيدة بن معدّ. (ابن نزار) من زوجه سَوْدَة بنت عَكّ. (ابن معد) من زوجه مُعَانَة بنت جوشم من جُرهم. (ابن عدنان).

هذا هو النسب المتفق على صحته من علماء التاريخ والمحدثين، أما النسب فوق ذلك فلا يصح فيه طريق، غاية الأمر أنهم أجمعوا على أن نسب الرسول ﷺ ينتهي إلى إسماعيل بن إبراهيم أبي العرب المستعربة. نسب شريف كما ترى: آباء طاهرون وأمّهات طاهرات، لم يزل عليه السلام ينتقل من أصلاب أولئك إلى أرحام هؤلاء حتى اختاره الله هادياً مهدياً من أوسط العرب نسباً. فهو من صميم قريش التي لها القدم الأولى في الشرف وعلو المكانة بين العرب، ولا تجد في سلسلة آباءه إلا كراماً ليس فيهم مستردّل بل كلهم سادة قادة، وكذلك أمّهات آباءه من أرفع قبائلهم شأنًا، ولا شك أن شرف النسب وطهارة المولد من شروط النبوة، وكل اجتماع بين آباءه وأمّهاته كان شرعياً بحسب الأصول العربية، ولم ينل نسبه شيء من سفاح الجاهلية بل طهره الله من ذلك والحمد لله.

ABDULLAH BERKAHWIN DENGAN AMINAH

Abdullah bin Abdul Muttalib adalah anak yang paling disayangi oleh bapanya. Ketika berumur 18 tahun, bapanya Abdul Muttalib telah mengahwinkannya dengan Aminah binti Wahab bin Abdu Manaf bin Zuhrah bin Kilab. Pada masa itu, Aminah adalah wanita Quraisy terbaik dari segi keturunan dan kedudukan.

Apabila Abdullah tinggal bersama Aminah sebagai suami isteri, Aminah mula mengandungkan Rasulullah s.a.w.. Setelah usia kandungan mencapai dua bulan, Abdullah meninggal dunia dan dikebumikan di Madinah iaitu di perkampungan bani Najjar; keturunan bapa-bapa saudara sebelah ibu. Sebelum itu, Abdullah pergi ke Syam untuk berniaga. Dalam perjalanan pulang, ketika sampai di Madinah, dia menemui ajalnya.

Setelah tempoh masa mengandung sempurna, Aminah melahirkan anaknya. Dunia merasa gembira dengan kelahiran anak tersebut; anak yang akan menyebarkan adab dan akhlak mulia ke seluruh pelusuk dunia. Al-Marhum Mahmud Basya al-Falaki telah mengkaji waktu kejadian peristiwa yang besar ini. Ia berlaku pada pagi hari Isnin, 9 Rabiul Awwal, bersamaan dengan 20 April 571M. Peristiwa ini tepat berlaku pada tahun pertama tahun gajah.

Rasulullahs.a.w.dilahirkan di rumah Abu Talib, di perkampungan bani Hasyim. Bidan yang menyambut kelahiran Baginda ialah al-Syifa', ibu Abdur Rahman bin 'Auf. Apabila Baginda dilahirkan, ibunya menghantar berita gembira tersebut kepada datuknya, Abdul Muttalib. Dia datang dengan penuh kegembiraan dan menamakan Baginda sebagai Muhammad. Nama Muhammad bukanlah nama yang masyhur di kalangan orang-orang Arab. Walaupun begitu, Allah ingin melaksanakan ketentuannya yang telah dinyatakan dalam kitab samawi yang diturunkan kepada para nabi-Nya seperti kitab Taurat dan Injil.

زواج عبد الله بآمنة وحملها

كان عبد الله بن عبد المطلب من أحب ولد أبيه إليه، فزوجه آمنة بنت وهب بن عبد مناف بن زهرة بن كلاب، وسنه ثمانى عشرة سنة، وهي يومئذ من أفضل نساء قريش نسباً وموضعاً، ولما دخل عليها حملت بالرسول ﷺ، ولم يلبث أبوه أن توفي بعد الحمل بشهرين، ودفن بالمدينة عند أخواله بني عدي بن النجار، فإنه كان قد ذهب بتجارة إلى الشام، فأدركته منيته بالمدينة وهو راجع، ولما تمت مدة حمل آمنة وضعت ولدها، فاستبشر العالم بهذا المولود الكريم الذي بثّ في أرجائه روح الآداب وتمم مكارم الأخلاق. وقد حقق المرحوم محمود باشا الفلكي أن ذلك كان صبيحة يوم الاثنين تاسع ربيع الأول الموافق لليوم العشرين من أبريل سنة (٥٧١) من الميلاد، وهو يوافق السنة الأولى من حادثة الفيل، وكانت ولادته في دار أبي طالب بشعب بني هاشم، وكانت قابلته الشفاء أم عبد الرحمان بن عوف، ولما ولد أرسلت أمه لجدته تبشّره، فأقبل مسروراً وسماه مُحَمَّدًا، ولم يكن هذا الاسم شائعاً قبل عند العرب، ولكن أراد الله أن يحقق ما قدره وذكره في الكتب التي جاءت بها الأنبياء كالتوراة والإنجيل،

Dengan itu Allah mengilhamkan kepada datuk baginda supaya menamakan baginda dengan nama Muhammad, Wanita pertama yang mengasuhnya ialah Ummu Aiman iaitu Barakah al-Habsyah; hamba perempuan kepunyaan bapa Rasulullah s.a.w.. Orang yang pertama menyusukan Baginda s.a.w. ialah Thuwaibah; hamba perempuan Abu Lahab.

PENYUSUAN

Menjadi tradisi kehidupan orang-orang Arab, mereka akan mencari wanita-wanita pendalaman yang akan menyusukan anak-anak mereka. Ini dilakukan dengan harapan anak-anak tersebut membesar dalam keadaan yang mulia. Mereka berpendapat: Wanita pengasuh di bandar adalah pemalas dan tidak kuat semangat. Beberapa orang wanita daripada bani Sa'ad bin Bakr datang ke Mekah untuk mencari anak-anak yang akan disusui.

Wanita bertuah yang dapat menyusukan anak yang mulia ini ialah Halimah binti Abu Zuaib al-Sa'adiyah. Suaminya bernama Abu Kabsyah'. Nama tersebut digunakan oleh orang-orang Quraisy ketika mereka mengejek Nabi s.a.w.. Mereka berkata: Ini adalah anak Abu Kabsyah yang bercakap dari langit. Keberkatan menyelubungi keluarga Halimah selagi anak yang disusui itu berada di situ. Baginda s.a.w. tinggal bersama Halimah sehingga mencapai umur empat tahun.

فألم جده أن يسميه بذلك إنفاذاً لأمره، وكانت حاضنته أم أيمن بركة الحبشية، أمة أبيه عبد الله، وأول من أرضعه ثويبة أمة عمه أبي لهب.

الرضاع

وكان من عادة العرب أن يلتمسوا المراضع لمواليدهم في البوادي ليكون أنجب للولد، وكانوا يقولون: إن المرئي في المدين يكون كليل الذهن فاتر العزيمة، فجاءت نسوة من بني سعد بن بكر يطلبن أطفالاً يرضعنهم، فكان الرضيع المحمود من نصيب حليلة بنت أبي ذؤيب السعدية، واسم زوجها أبو كبشة، وهو الذي كانت قريش تنسب له الرسول صلى الله عليه وسلم حينما يريدون الاستهزاء به فيقولون: هذا ابن أبي كبشة يكلم من السماء ودُرّت البركات على أهل ذاك البيت الذين أرضعوه مدة وجوده بينهم وكانت تربو عن أربع سنوات.

BELAH DADA

Ketika berada bersama-sama keluarga Halimah, satu peristiwa besar telah berlaku iaitu peristiwa pembelahan dada Rasulullah s.a.w. untuk mengeluarkan bahagian syaitan di dalamnya. Peristiwa tersebut menjadikan Halimah merasa takut, lalu mengembalikan Rasulullah s.a.w. kepada ibunya. Halimah menceritakan kepada ibunya: "Ketika Muhammad dan saudara-saudaranya bermain-main di kawasan peliharaan kambing di belakang rumah kami, tiba-tiba saudaranya datang mengadu kepadaku dan suamiku: 'Saudara saya berbangsa Quraisy telah dibawa oleh dua orang lelaki berpakaian putih. Mereka membaringkannya dan membelah perutnya sambil memasukkan tangan-tangan mereka ke dalam perutnya.'

Selepas itu aku dan suamiku mencarinya. Kami mendapati muka Muhammad pucat. Selepas peristiwa itu, aku dan suami sentiasa bersamanya. Kami bertanya kepada Muhammad: 'Apakah yang telah berlaku kepadamu wahai anakku?' Muhammad menjawab: Dua orang lelaki berpakaian putih datang berjumpaku. Salah seorang daripada mereka berkata: Kanak kanak inilah yang kita cari. Kawannya menjawab: Ya. Maka mereka memegang, membaring dan membelah perutku. Mereka mengeluarkan sesuatu dan mencampakkannya. Aku tidak mengetahui apakah benda tersebut."

حادثة شق الصدر

وحصل له وهو بينهم حادثة مهمة وهي شق صدره وإخراج حظ الشيطان منه، فأحدث ذلك عند حليلة خوفاً فردته إلى أمه وحدثتها قائلة: بينما هو وإخوته في بهم لنا خلف بيوتنا إذ أتى أخوه يعدو، فقال لي ولأبيه: ذاك أخي القرشي قد أخذه رجلان عليهما ثياب بيض، فأضجعا، فشققا بطنه فهما يسوطانه. فخرجت أنا وأبوه نحوه فوجدناه منتقعا لونه، فالترمته والتزمه أبوه، فقلنا له: ما لك يا بني؟ فقال: جاءني رجلان عليهما ثياب بيض، فقال أحدهما لصاحبه: أهو هو؟ قال: نعم. فأقبلا يبتدراني فأضجعاني فشققا بطني، فالتمسا فيه شيئا، فأخذاه وطرحاه ولا أدري ما هو.

KEMATIAN AMINAH DAN ABDUL MUTTALIB

Kemudian Rasulullah s.a.w. tinggal bersama ibunya Aminah. Aminah membawa Baginda s.a.w. ke Madinah untuk menziarahi bapa-bapa saudara sebelah ayahnya iaitu bani 'Adi bin Najjar. Ketika dalam perjalanan pulang, Aminah ditimpa sakit dan meninggal di al-Abwa'. Selepas itu Rasulullah s.a.w. berada di bawah jagaan Ummu Aiman dan ditanggung oleh datuknya Abdul Muttalib. Abdul Muttalib mencurahkan kasih sayang kepada Baginda melebihi kasih sayang yang dicurahkan kepada anak-anaknya. Ini kerana dia dapat melihat tanda-tanda yang menunjukkan bahawa Muhammad mempunyai masa depan yang gemilang. Abdul Muttalib amat memuliakan Baginda s.a.w..

Walau bagaimanapun, setelah Rasulullah s.a.w. berusia lapan tahun, datuknya Abdul Muttalib meninggal dunia. Selepas itu Baginda ditanggung oleh bapa saudaranya Abu Talib. Abu Talib memelihara Rasulullah s.a.w. dengan penuh kasih sayang dan perhatian. Abu Talib tidak memiliki harta yang banyak, lalu Allah memberkatinya. Ketika berada dalam tanggungan Abu Talib, Rasulullah s.a.w. adalah contoh teladan yang paling baik. Baginda bersikap qana'ah dan menjauhi perkara sia-sia yang biasa dilakukan oleh kanak-kanak seusianya. Ini adalah sebagaimana yang diceritakan oleh pengasuhnya Ummu Aiman. Apabila tiba waktu makan, kanak-kanak yang lain akan berebut-rebut untuk mendapatkan makanan, tetapi Baginda tetap tenang dan menerima apa yang diberikan oleh Allah kepadanya.

وفاة آمنة وكفالة عبد المطلب ووفاته وكفالة أبي طالب

ثم إن أمه أخذته منها، وتوجهت به إلى المدينة لزيارة أخوال أبيه بني عدي بن النجار، وبينما هي عائدة أدركتها منيتها في الطريق فماتت بالأبواء فحضنته أمُّ أيمن، وكفله جده عبد المطلب، ورقَّ له رِقَّةٌ لم تُعْهَدَ له في ولده، لما كان يظهر عليه مما يدلُّ على أن له شأنًا عظيمًا في المستقبل، وكان يكرمه غاية الإكرام، ولكن لم يلبث عبد المطلب أن تُوفي بعد ثماني سنوات من عمر الرسول ﷺ، فكفله شقيق أبيه أبو طالب فكان له رحيماً وعليه غيوراً، وكان أبو طالب مُقلِّباً من المال فبارك الله له في قليله، وكان الرسول ﷺ في مدة كفالة عمه مثلاً القناعة والبعد عن السفساف التي يشتغل بها الأطفال عادة، كما روت ذلك أمُّ أيمن حاضنته، فكان إذا أقبل وقتُ الأكل جاء الأولاد يختطفون وهو قانع بما سبيسرهُ الله له.

PERJALANAN KE SYAM

Ketika berusia 12 tahun, bapa saudaranya Abu Talib ingin pergi ke Syam untuk berniaga. Pemergian Abu Talib amat sukar diterima oleh Baginda s.a.w. sehingga akhirnya Abu Talib membawa Baginda bersama. Ini adalah perjalanan jauh pertama Baginda, dan rombongan dagang ke Syam ini tidak akan tinggal lama di sana.

Apabila tiba di bandar Bushra('), seorang pendita bernama Buhaira telah datang berjumpa ketua-ketua rombongan. Dia bertanya mereka mengenai berita yang dibacanya dalam kitab-kitab suci mereka yang menceritakan mengenai pengutusan seorang nabi di kalangan bangsa Arab yang akan lahir pada masa itu. Rombongan tersebut menjawab: Sehingga sekarang ia masih belum berlaku. Sebelum berlakunya pengutusan Nabi s.a.w., pertanyaan seumpama ini selalu dikemukakan oleh orang-orang Yahudi dan Nasrani. Mengenai perkara ini Allah berfirman:

“Maka tatkala datang kepada mereka apa yang mereka ketahui kebenarannya (Nabi Muhammad dan al-Quran), mereka mengingkarinya, maka (dengan yang demikian) laknat Allah menimpa orang-orang yang kafir ingkar itu.

(al-Baqarah: 89)

السفر إلى الشام

ولما بلغت سنُّه عليه الصلاة والسلام اثنتي عشرة سنة، أراد عمُّه وكفيله السفر بتجارة إلى الشام، فاستعظم الرسول ﷺ فراقه، فرقَّ له، وأخذه معه، وهذه هي الرحلة الأولى، ولم يمكثوا فيها إلا قليلاً، وقد أشرف على رجال القافلة - وهم بقرب بُصرى - بحيرا الراهب، فسألهم عمَّا رآه في كتبهم المقدسة من بعثة نبي من العرب في هذا الزمن، فقالوا: إنه لم يظهر للآن. وهذه العبارة كثيراً ما كان يلهج بها أهل الكتاب من يهود ونصارى قبل بعثة الرسول { فَلَمَّا جَاءَهُمْ مَا عَرَفُوا كَفَرُوا بِهِ فَلَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الْكَافِرِينَ } (البقرة: ٨٩).

PEPERANGAN FIJAR

Ketika Rasulullah s.a.w. berusia 20 tahun, peperangan Fijar meletus. Peperangan tersebut berlaku di antara kabilah Kinanah yang mendapat sokongan Quraisy dengan kabilah Qais.

Punca meletusnya peperangan ini ialah an-Nu'man bin al-Munzir; raja Arab di Hirah, mempunyai barang-barang perniagaan yang dihantar ke pasar 'Ukaz' setiap tahun. Ketika menghantarnya, an-Nu'man melantik seorang lelaki yang kuat dan perkasa serta dihormati oleh kaumnya sebagai ketua rombongan untuk mengawal rombongan dagang. Pada suatu hari, dia duduk bersama-sama al-Barradh bin Qais al-Kanani (seorang pembunuh dan melakukan sesuatu berdasarkan nafsu serta dipulau oleh kaumnya disebabkan kejahatannya) dan 'Urwah bin Utbah al-Rahhal. An-Nu'man berkata: Siapakah yang akan melindungi harta perniagaanku ini sehingga ia sampai ke pasar Ukaz? Al-Barradh menjawab: Aku akan menghantarnya untuk dijual kepada bani Kinanah. An-Nu'man berkata: Aku mahu harta perniagaan ini dijual kepada semua orang. Urwah berkata: Kamu melakukan perkara yang tidak dikeji. Adakah kamu mahu harta kamu dibawa oleh anjing yang jahat? Biarkan aku membawanya untuk dijual kepada semua ketua kaum dan penduduk Qaishum; iaitu penduduk di daerah Najd dan Tihamah. Al-Barradh berkata: Adakah kamu akan membawanya kepada kabilah Kinanah, wahai Urwah? Aku akan membawanya kepada semua orang, jawan Urwah.

Al-Barradh merasa sakit hati dan mencari-cari peluang untuk melaksanakan niat jahatnya. Peluang tersebut diperolehi apabila Urwah keluar membawa barang dagangan. Al-Barradh membunuhnya secara licik. Al-Barradh menghantar utusan kepada kaumnya; kabilah Kinanah untuk memberitahu apa yang berlaku dan memberi amaran terhadap pembelaan yang akan dilakukan oleh kabilah Qais, iaitu kaum Urwah.

حرب الفجار

ولما بلغت سنّه عليه الصلاة والسلام عشرين سنة حضر حرب الفجار، وهي حرب كانت بين كِنانة ومعها قريش، وبين قيس. وسببها: أنه كانَ للنعمان بن المنذر ملكِ العرب بالحيرة تجارة يرسلها كل عام إلى سوق عُكاظ لتُباع له، وكان يرسلها في أمان رجل ذي منعةٍ وشرف في قومه ليحيزها فجلس يوماً وعنده البراض بن قيس الكناني - وكان فاتكاً خليعاً خلعه قومه لكثرة شرّه - وعروة بن عتبة الرخّال فقال: مَنْ يُحيز لي تجارتي هذه حتى يبلغها عكاظ؟ فقال البرّاض: أنا أُحيزها على بني كِنانة، فقال النعمان: إنما أريد مَنْ يُحيزها على الناس كلهم. فقال عروة: أبيت اللعن أكلبُ خليع يحيزها لك؟ أنا أُحيزها على أهل الشّيح والقيصوم من أهل نجد وتّهامة. فقال البرّاض: أو تُحيزها على كِنانة يا عروة؟ قال: وعلى الناس كلهم، فأسرّها في نفسه، وتربّص له حتى إذا خرج بالتجارة، قتله غدراً، ثم أرسل رسولاً يخبر قومه كِنانة بالخبر، ويحذرهم قيساً قوم عروة.

Setelah mendapat berita pembunuhan Urwah, kabilah Qais mula berdendam dan ingin menuntut bela di atas kematian Urwah. Mereka bertemu dengan kabilah Kinanah dan Quraisy di Nakhlah. Di sana pertempuran berlaku di antara mereka. Ketika peperangan memuncak dan kabilah Qais begitu bersemangat, orang-orang Quraisy berlindung di tanah suci (Mekah). Rasulullah s.a.w. bersama-sama mereka ketika itu. Selepas itu, Qais berkata kepada musuhnya: Kami tidak akan membiarkan darah Urwah mengalir tanpa pembelaan. Kita akan bertemu semula pada tahun hadapan di 'Ukaz. Lalu mereka pulang ke negeri mereka dan mengapi-apikan semangat di antara mereka.

Apabila tiba waktu yang dijanjikan, kabilah Qais mengumpulkan kekuatannya. Mereka dibantu oleh kabilah Thaqif dan selainnya. Quraisy juga mengumpulkan kekuatannya yang terdiri daripada kabilah Kinanah dan al-Ahabisy (mereka adalah sekutu Quraisy). Ketua bani Hasyim ialah az-Zubair bin Abdul Muttalib. Dia dibantu oleh saudara-saudaranya iaitu Abu Talib, Hamzah, al-'Abbas dan anak saudaranya iaitu Nabi s.a.w.. Bani Umayyah pula diketuai oleh Harb bin Umayyah. Dia mengetuai kekuatan Quraisy disebabkan kemuliaan dan usianya. Begitu juga dengan bani-bani lain yang terdapat di dalam kabilah Quraisy, masing-masing mempunyai ketua. Selepas itu peperangan meletus. Peperangan tersebut adalah peperangan yang paling dahsyat dalam kehidupan orang-orang Arab. Oleh kerana banyak kehormatan Mekah yang merupakan tempat suci di sisi orang-orang Arab dicerobohi di dalam peperangan tersebut, maka mereka menamakannya sebagai peperangan Fijar.

وأما قيس فلم تلبث بعد أن بلغها الخبر أن همت لتدرك ثأرها، حتى أدركوا قريشاً وكنانة بنخلة، فاقتتلوا، ولما اشتدَّ البأس وحميت قيس، احتمت قريش بحرمها، وكان فيهم رسول الله. ثم إن قيساً قالوا لخصومهم: إننا لا نترك دم عروة، فموعدنا عكاظ العام المقبل، وانصرفوا إلى بلادهم يحرص بعضهم بعضاً، فلما حال الحؤول جمعت قيس جُموعها وكانت معها ثقيف وغيرها، وجمعت قريش جموعها من كنانة والأحابيش - وهم حلفاء قريش - وكان رئيس بني هاشم الزبير بن عبد المطلب ومعه إخوته أبو طالب وحزرة والعباس وابن أخيه النبي الكريم، وكان على بني أمية حرب بن أمية، وله القيادة العامة لمكانه في قريش شرفاً وسناً. وهكذا كان على كل بطن من بطون قريش رئيس، ثم تناجزوا الحرب، فكان يوماً من أشدَّ أيام العرب هولاً، ولما استُجِلَّ فيه من حُرُمات مكة التي كانت مقدسة عند العرب سُمِّيَ يوم الفِجَار.

Dalam peperangan tersebut, kabilah Qais hampir-hampir mengalami kekalahan. Sebahagian daripada sekutunya telah mengaku kalah. Tetapi keadaan tersebut dapat diselamatkan dengan kemunculan mereka yang mencadangkan supaya dimeterikan perjanjian damai. Perjanjian tersebut menyebut bahawa tentera yang terbunuh daripada kedua-dua belah pihak hendaklah dikira. Mana-mana kabilah mengalami kerugian jiwa yang lebih banyak, mereka hendaklah menerima pembayaran diat terhadap bilangan yang lebih. Dalam peperangan tersebut, kabilah Qais mengalami kerugian jiwa yang lebih banyak daripada kabilah Quraisy. Oleh itu mereka mengambil diat daripada Quraisy. Harb bin Umayyah berjanji untuk membayarnya dan menyerahkan anaknya Abu Sufian sebagai cagaran.

Begitulah berakhirnya peperangan di kalangan orang-orang Arab yang pada kebiasaannya bermula dengan perkara-perkara kecil. Peristiwa seumpama itu terus berlaku sehingga Allah menyatukan hati mereka dan menerangi kegelapan jahiliah dengan tersebarnya cahaya Islam di kalangan mereka.

وكادت الدائرة تدور على قيس حتى انهزم بعض قبائلها ولكن أدركهم مَنْ دَعَا المتحاربين للصلح على أن يُحْصُوا قتلى الفريقين، فَمَنْ وجد قتلاه أكثر أخذ دية الزائد، فكانت لقيس زيادة أخذوا ديتها من قريش وتعهد بها حربن أمية، ورهن لسدادها ولده أبا سفيان. وهكذا انتهت هذه الحرب التي كثيراً ما تشبه حروب العرب تبدوها صغيرات الأمور حتى أَلْفَ الله بين قلوبهم وأزاح عنهم هذه الضلالات بانتشار نور الإسلام بينهم.

PERJANJIAN AL-FUDHUL

Setelah peperangan Fijar tamat, orang-orang Quraisy diajak mengadakan perjanjian al-Fudhul. Perjanjian tersebut dimeterikan di rumah Abdullah bin Jud'an al-Taimi; salah seorang pembesar Quraisy. Mereka yang menyertai perjanjian ini ialah bani Hasyim, bani al-Muttalib, bani Asad bin Abdul Uzza, bani Zuhrah bin Kilab dan bani Taim bin Murrah. Mereka berjanji untuk memastikan tidak seorangpun yang dizalimi di kota Mekah sama ada penduduknya atau orang lain yang datang ke situ. Sekiranya berlaku kezaliman, mereka akan bersama-sama menghapuskannya.

Rasulullah s.a.w. menghadiri perjanjian ini bersama-sama bapa-bapa saudaranya. Baginda s.a.w. bersabda selepas dilantik sebagai Rasul: "Aku telah menghadiri perjanjian di rumah Abdullah bin Jud'an bersama-sama bapa-bapa saudaraku. Ia lebih aku sukai daripada unta merah. Sekiranya pada zaman Islam aku diajak melakukan perkara yang sama, nescaya aku menyahutnya."

Ini disebabkan Rasulullah s.a.w. diutuskan untuk menyempurnakan akhlak, dan perjanjian tersebut adalah sebahagian daripadanya. Islam banyak mengiktiraf perkara yang seumpama itu. Pengertian ini dapat difahami daripada sabda Rasulullah s.a.w.: "Aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia." Rasulullah s.a.w. sendiri mengajak orang ramai mengadakan perjanjian seumpama ini. Dengan itu mereka disedarkan dengan hakikat sebenar pengutusannya.

حَلْفِ الْفُضُولِ

وعند رجوع قريش من حرب الفجار تداعوا لحلف الفضول فتم في دار عبد اللهبن جُدعان التيمي أحد رؤساء قريش، وكان المتحالفون: بني هاشم وبني المطلب ابني عبد مناف، وبني أسد بن عبد العزى، وبني زهرة بن كلاب، وبني تيم بن مرة تحالفوا وتعاهدوا ألا يجدوا بمكة مظلوماً من أهلها أو من غيرهم من سائر الناس إلا قاموا معه، حتى ترد إليه مظلّمته، وقد حضر هذا الحلف رسول الله ﷺ مع أعمامه، وقال بعد أن شرفه الله بالرسالة: «لقد شهدت مع عمومتي حلفاً في دار عبد اللهبن جُدعان ما أحب أن لي به حمر النعم ولو دعيت به في الإسلام لأجبت» وذلك لأنه عليه الصلاة والسلام مبعوث بمكارم الأخلاق، وهذا منها، وقد أقر دين الإسلام كثيراً منها، يرشدك إلى هذا قوله عليه الصلاة والسلام: «بعثت لأتمم مكارم الأخلاق» وقد دعا بهذا الحلف كثيرون فأنصفوا.

PERJALANAN KALI KEDUA KE SYAM

Ketika usia Rasulullah s.a.w. mencapai 25 tahun, Baginda sekali lagi bermusafir ke Syam. Ini kerana Khadijah binti Khuwailid al-Asadiyah adalah seorang saudagar yang mempunyai kemuliaan dan harta. Dia menyerahkan hartanya kepada lelaki tertentu untuk diperniagakan secara mudhorabah dan keuntungannya dibahagikan di antara mereka. Apabila Khadijah mendengar berita mengenai sifat amanah dan berkata benar yang dimiliki oleh Rasulullah s.a.w. sehingga Baginda digelar al-Amin oleh kaumnya, dia menawarkan hartanya kepada Baginda untuk diniagakan di negeri Syam. Dia menawarkan pembahagian keuntungan yang tidak pernah diberikan kepada orang lain. Perjalanan Baginda ditemani oleh Maisarah; orang suruhan Khadijah. Kedua-duanya melakukan jual beli dan mendapat keuntungan yang besar. Dalam musafir yang dilakukan ini, banyak keberkatan yang berlaku pada diri Rasulullah. Ini menjadikan Maisarah menyayangi Baginda.

BERKAHWIN DENGAN KHADIJAH

Apabila Rasulullah s.a.w. pulang ke Mekah dan Khadijah mendapati perniagaannya mendapat keuntungan yang besar, dia tertarik dengan al-Amin s.a.w.. Dia mengutuskan utusan untuk meminang Baginda. Ketika itu, dia berusia 40 tahun. Dia termasuk di kalangan Quraisy yang mempunyai kedudukan dan berharta. Selepas itu, al-Amin s.a.w. bersama-sama beberapa orang bapa saudaranya pergi berjumpa 'Amru bin Asad (bapa saudara Khadijah) untuk meminang Khadijah dengan perantaraan Abu Talib. Peminangan tersebut diterima dan Baginda s.a.w. dikahwinkan dengan Khadijah.

Pada hari tersebut Abu Talib berkhotbah dengan berkata: "Syukur kepada Allah yang telah menjadikan kita di kalangan anak cucu Ibrahim, keturunan Ismail, berasal dari Ma'ad

رحلته إلى الشام المرة الثانية

ولما بلغت سنه عليه الصلاة والسلام خمساً وعشرين سنة سافر إلى الشام المرة الثانية، وذلك أن خديجة بنت خويلد الأسدية كانت سيدة تاجرة ذات شرف ومال، تستأجر الرجال في مالها وتضاربهم إياه، فلما سمعت عن السيد من الأمانة وصدق الحديث ما لم تعرفه في غيره حتى سمّاه قومه الأمين، استأجرته ليخرج في مالها إلى الشام تاجراً، وتعطيه أفضل مما كانت تعطي غيره، فسافر مع غلامها ميسرة فباعا وابتاعا وربحا ربحاً عظيماً، وظهر للسيد الكريم في هذه السفرة من البركات ما حبّبه في قلب ميسرة غلام خديجة.

زواجه خديجة

فلما قدما مكة ورأت خديجة ربّحها العظيم سرّت من الأمين عليه الصلاة والسلام وأرسلت إليه تخطبه لنفسها، وكانت سنّها نحو الأربعين، وهي من أوسط قريش حسباً وأوسعهم مالاً، فقام الأمين عليه الصلاة والسلام مع أعمامه حتى دخل على عمّها عمرو بن أسد، فخطبها منه بواسطة عمه أبي طالب، فزوّجها عمّها. وقد خطب أبو طالب في هذا اليوم فقال: الحمد لله الذي جعلنا من ذرية إبراهيم، وزرع إسماعيل وضئضئ معدّ،

dan lahir daripada kalangan Mudhor, menjadikan kita sebagai pengurus rumah-Nya (Ka'bah) dan penjaga tanah suci-Nya, menjadikan Ka'bah yang sentiasa dikunjungi dan tanah suci yang aman untuk kita dan menjadikan kita sebagai pemimpin manusia.

"Anak saudaraku ini, Muhammad bin Abdullah adalah seorang lelaki yang tidak ada tolok bandingnya dari segi kemuliaan, kecerdikan dan kelebihanannya, sekalipun dia tidak berharta. Harta adalah suatu yang sentiasa berkurangan dan akan habis serta merupakan pinjaman yang diminta pembayarannya. Demi Allah. selepas peristiwa ini dia akan memperolehi berita yang besar dan kedudukan yang tinggi! Dia datang meminang anak kemuliaanmu iaitu Khadijah. Dia telah mengemukakan maskahwin sebanyak sekian." Dengan itu perkahwinan dilangsungkan.

Sebelum perkahwinan ini, Khadijah pernah berkahwin dengan Abu Halah. Abu Halah telah meninggal dunia dan meninggalkan seorang anak lelaki yang bernama Halah. Halah adalah anak tiri Rasulullah s.a.w..

MEMBINA KA'BAH

Ketika Rasulullah s.a.w. berusia 35 tahun, banjir besar melanda Mekah dan meruntuhkan dinding Ka'bah yang telah rapuh disebabkan kebakaran yang menyimpannya. Orang-orang Quraisy bercadang untuk meruntuhkan seluruh binaan Ka'bah dan melakukan pembinaan semula serta diletakkan atap. Sebelum itu, Ka'bah hanyalah binaan batu-batu yang disusun sehingga membentuk binaan. Seluruh kabilah bersetuju untuk meruntuhkannya, tetapi masih bimbang untuk melaksanakannya kerana keagungannya. Dengan itu al-Walid bin al-Mughirah berkata: Kamu meruntuhkannya untuk memperbaiki atau merosakkannya? Mereka menjawab: Untuk memperbaikinya. Al-Walid berkata lagi: Allah tidak akan memusnahkan orang-orang yang melakukan kebaikan.

وعنصر مضر، وجعلنا حضنة بيته وسؤاس حرمه، وجعله لنا بيتاً محجوجاً وحرماً آمناً، وجعلنا حكام الناس، ثم إن ابن أخي هذا مُحَمَّد بن عبد الله لا يُوزن به رجل شرفاً ونبلاً وفضلاً، وإن كان في المال قُلٌّ، فإن المال ظل زائل، وأمر حائل، وعارية مستردّة، وهو والله بعد هذا له نبأ عظيم وخطر جليل، وقد خطب إليكم رغبة في كرمتمكم خديجة، وقد بذل لها من الصّدّاق كذا. وعلى ذلك تم الأمر. وقد كانت متزوجة قبله بأبي هالة، توفي عنها وله منها ولد اسمه هالة، وهو ربيب المصطفى عليه الصلاة والسلام.

بناء البيت

ولما بلغت سنه عليه الصلاة والسلام خمساً وثلاثين سنة، جاء سيل جارف فصدّع جدران الكعبة بعد توهينها من حريق كان أصابها قبل، فأرادت قريش هدمها ليرفعوها ويسقفوها، فإنها كانت رضية فوق القامة، فاجتمعت قبائلهم لذلك، ولكنهم هابوا هدمها لمكانها في قلوبهم. فقال لهم الوليد بن المغيرة: أتريدون بدمها الإصلاح أم الإساءة؟ قالوا: بل الإصلاح، قال: إن الله لا يهلك المصلحين،

Dia memulakan kerja meruntuhkan dan diikuti oleh orang lain sehingga sampai kepada tapak yang dibina oleh nabi Ismail. Di situ mereka mendapati terdapat banyak kata kata hikmat yang terukir di batu-batu. Ini merupakan kebiasaan yang dilakukan oleh mereka yang meletakkan asas pembinaan bangunan yang masyhur untuk dijadikan peringatan kepada orang kemudian mengenai kerja yang dilakukan oleh orang terdahulu.

Kemudian mereka memulakan pembinaan semula Ka'bah. Belanja pembinaan diambil daripada harta yang bersih daripada unsur-unsur riba dan kerja-kerja kotor. Pembinaan semula Ka'bah menjadikan golongan pembesar Quraisy memikul batu di atas tengkok mereka. Di antara mereka yang melakukan perkara tersebut ialah al-'Abbas dan Rasulullah s.a.w.. Pembinaan tersebut diketuai oleh tukang kayu berbangsa Rom bernama Baqum. Dia telah menugaskan kumpulan pembesar tertentu yang mengangkut batu untuk membangunkan setiap rukun (sudut) bangunan Ka'bah. Mereka kehabisan modal yang halal untuk membina Ka'bah berdasarkan asas pembinaan yang dilakukan oleh nabi Ismail. Dengan itu kawasan Hijr Ismail hanya dibina dinding yang rendah sebagai petanda bahawa kawasan tersebut termasuk di dalam kawasan Ka'bah.

Setelah selesai membina Ka'bah dengan keluasan 18 hasta panjang dan lebarnya (keluasannya bertambah sebanyak Sembilan hasta panjang dan lebar daripada keluasan asal), mereka meninggikan pintunya daripada aras tanah sehingga terpaksa menggunakan tangga untuk memasukinya. Selepas itu mereka ingin meletakkan Hajar al-Aswad di tempat asalnya. Ketika itu berlaku perselisihan pendapat di kalangan pembesar-pembesar mereka mengenai siapakah yang selayaknya meletakkan batu tersebut pada tempatnya. Mereka berebut-rebut untuk meletakkannya sehingga hampir mencetuskan peperangan. Perbalahan tersebut berterusan sehingga memakan masa selama empat malam. Lelaki tertua di kalangan Quraisy ketika itu ialah Abu Umayyah bin al-Mughirah al-Makhzumi; bapa saudara Khalid bin al-Walid. Dia berkata: Wahai kaum, jangan berbalah! Lantiklah seseorang yang kamu boleh terima keputusannya sebagai hakim. Mereka menjawab: Kita akan menyerahkannya kepada orang yang pertama memasuki Ka'bah.

وشرع يهدم فتبعوه وهدموا حتى وصلوا إلى أساس إسماعيل، وهناك وجدوا
صحافاً نُقش فيها كثير من الحكيم على عادة مَنْ يضعون أساس بناء
شهير ليكون تذكرة للمتأخرين بعمل المتقدمين. ثم ابتدؤوا في البناء وأعدّوا
لذلك نفقة ليس فيها مهرٌ بغي ولا بيع ربا، وجعل الأشراف من قريش
يحملون الحجارة على أعناقهم، وكان العباس ورسول الله فيمن يحمل، وكان
الذي يلي البناء نجار رومي اسمه باقوم، وقد خصّص لكل ركن جماعة من
العظماء ينقلون إليه الحجارة، وقد ضاقت بهم النفقة الطيبة عن إتمامه على
قواعد إسماعيل، فأخرجوا منها الحجر، وبنوا عليه جداراً قصيراً، علامة
على أنه من الكعبة، ولما تم البناء ثمانية عشر ذراعاً بحيث زيد فيه عن
أصله تسعة أذرع ورفع الباب عن الأرض بحيث لا يُصعد إليه إلا بدرج
أرادوا وضع الحجر الأسود موضعه، فاختلف أشرافهم فيمن يضعه،
وتنافسوا في ذلك حتى كادت تشبّ بينهم نار الحرب، ودام بينهم هذا
الخصام أربع ليالٍ، وكان أسنّ رجل في قريش إذ ذاك أبو أمية بن المغيرة
المخزومي عمّ خالد بن الوليد فقال لهم: يا قوم لا تختلفوا وحكموا بينكم
من ترضون بحكمه. فقالوا: نكل الأمر لأوّل داخل،

Orang yang pertama memasukinya ialah al-Amin s.a.w..

Semua orang merasa lega kerana pengalaman mereka bersama Baginda s.a.w. diliputi dengan sifat amanah dan bercakap benar. Mereka berkata: "Ini al-Amin. Ini Muhammad. Kami bersetuju untuk melantiknya sebagai hakim." Mereka menyatakan persetujuan tersebut kerana mereka sentiasa menjadikan Baginda sebagai hakim dalam masalah yang susah untuk diselesaikan.

Apabila mereka menceritakan apa yang telah berlaku, Baginda s.a.w. menghampar serbannya sambil berkata: "Setiap kabilah hendaklah memegang sebahagian daripada serban ini." Kemudian Baginda mengambil dan meletakkan Hajar al-Aswad di atas serban tersebut. Baginda meminta semua mereka mengangkatnya sehingga sampai ke tempat yang dikehendaki. Kemudian Baginda sendiri yang meletakkan Hajar al-Aswad di tempatnya.

Begitulah penyelesaian yang diambil terhadap kes tersebut. Dalam banyak kes, masalah seperti itu akan menjadi sebab tercetusnya peperangan yang besar di kalangan orang-orang Arab. Kalaulah Allah tidak memberikan kepada mereka orang yang berakal seperti Abu Umayyah yang mencadangkan kebaikan kepada mereka dan membawa mereka memilih orang yang bijaksana seperti Rasulullah s.a.w. untuk menjadi hakim yang keputusannya dapat diterima oleh semua orang, nescaya ia akan mencetuskan peperangan saudara di antara mereka.

Bukanlah satu perkara yang menghairankan sekiranya orang-orang Quraisy berbalah sesama sendiri kerana merebut Hajar al-Aswad. Ini kerana Ka'bah adalah kiblat orang-orang Arab dan tempat mereka mengerjakan haji. Setiap amalan yang dilakukan di situ di pandang besar. Disebabkan Ka'bah, seseorang mendapat kebanggaan dan ketuanan. Ka'bah adalah rumah pertama yang dibina dengan tujuan ibadah. Al-Quran memperakui hakikat ini. Allah berfirman;

"Sesungguhnya rumah ibadah yang mula-mula dibina untuk manusia (beribadat kepada Tuhannya) ialah Baitullah yang terletak di Mekah, yang berkat dan (dijadikan) petunjuk bagi umat manusia. Padanya ada tanda-tanda yang nyata (di antaranya ialah) Maqam Nabi Ibrahim. Dan sesiapa yang masuk di dalamnya, aman tenteramlah dia.

(Aali Imran: 96-97)

فكان هذا الداخل هو الأمين المأمون عليه الصلاة والسلام، فاطمأن الجميع له لِمَا يعهدونه فيه من الأمانة وصدق الحديث وقالوا: هذا الأمين رضينا، هذا مُحَمَّدٌ؛ لأنهم كانوا يتحاكمون إليه إذ كان لا يُداري ولا يُماري. فلما أخبروه الخبر بسط رداءه وقال: لتأخذ كل قبيلة بناحية من الثوب، ثم وضع فيه الحجر وأمرهم برفعه حتى انتهوا إلى موضعه فأخذه ووضع فيه وهكذا انتهت هذه المشكلة التي كثيراً ما يكون أمثالها سبباً في انتشار حروب هائلة بين العرب، لولا أن مَنَّ الله عليهم بعاقل مثل أبي أمية يرشدهم إلى الخير، وحكيم مثل الرسول ﷺ يقضي بينهم بما يُرضي جميعهم. ولا يُستغرب من قريش تنافسهم هذا، لأن البيت قِبَلَةَ العرب وكعبتهم التي يحجّون إليها، فكل عمل فيه عظيم به الفخر والسيادة، وهو أول بيت وُضِعَ للعبادة بشهادة القرآن الكريم، قال تعالى في سورة آل عمران: {إِنَّ أَوَّلَ بَيْتٍ وُضِعَ لِلنَّاسِ لَلَّذِي بِبَكَّةَ مُبَارَكًا وَهُدًى لِّلْعَالَمِينَ} (٩٦) فِيهِ آيَاتٌ بَيِّنَاتٌ مَّقَامُ إِبْرَاهِيمَ وَمَنْ دَخَلَهُ كَانَ آمِنًا { (آل عمران: ٩٦، ٩٧)

Pengurus Ka'bah selepas anak nabi Ismail ialah kabilah Jurhum. Apabila mereka melampaui batas dan melakukan kezaliman, kabilah Khuza'ah telah mengalahkan dan mengusir mereka. Dalam jangka masa tertentu kabilah Khuza'ah menguasai Ka'bah. Selepas itu Quraisy pada zaman Qusay bin Kilab mengambil alih pengurusan Ka'bah daripada mereka. Di bawah pemerintahan Qusay, Mekah menjadi tempat yang aman. Ini kerana kabilah Arab yang lain merasa takut dengan kabilah Quraisy. Apabila mereka berlindung di Mekah, maka Mekah akan berperanan sebagai kubu yang memberikan keamanan daripada serangan musuh. Itulah kurniaan Allah kepada mereka. Firman Allah;

“Dan tidakkah mereka melihat dan memerhati bahawa Kami telah menjadikan (Mekah) tanah suci yang dihormati, lagi aman; serta orang ramai yang tinggal di sekeliling mereka (sekitar Mekah) sentiasa diculik.

(al-Ankabut: 67)

وكان يلي أمره بعد ولد إسماعيل قبيلة جُرهم فلما بَغُوا وظلموا مَنْ دخل مكة اجتمعت عليهم خزاعة وأجلّوهم عن البيت، ووليته خزاعة حيناً من الدهر، ثم أخذته منهم في عهد قصيين كلاب، وبسببه أمِنوا في بلادهم، فكانت قبائل العرب تهاجم، وإذا احتموا به كان حصناً أميناً من اعتداء العادين، وامتنَّ الله عليهم بذلك في تنزيله، فقال في سورة العنكبوت: {أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّا جَعَلْنَا حَرَمًا آمِنًا وَيَتَخَطَّفُ النَّاسُ مِنْ حَوْلِهِمْ} (العنكبوت: ٦٧).

SARA HIDUP BAGINDA S.A.W. SEBELUM KERASULANNYA

Rasulullah s.a.w. tidak mewarisi sedikitpun harta daripada kedua ibubapanya. Malah, Baginda dilahirkan dalam keadaan yatim dan miskin. Baginda disusukan di bani Sa'ad. Apabila usianya mengizinkan bekerja, Baginda bekerja sebagai penggembala kambing di kawasan pendalaman bersama-sama saudara-saudara sesusunnannya. Apabila pulang ke Mekah, Baginda juga melakukan kerja yang sama (mengembala kambing penduduk Mekah) untuk mendapatkan sesuap nasi. Perkara ini disebut oleh Bukhari dalam kitab Sahihnya.

Keadaan para Nabi yang tidak mengejar duniawi dan kesibukannya adalah perkara yang sudah pasti berlaku. Ini kerana sekiranya mereka berada dalam keadaan kaya raya, nescaya mereka akan dilalaikan oleh dunia dan menjauhkan mereka daripada kebahagiaan abadi (akhirat). Oleh itu, kamu dapat melihat bahawa kesemua syariat samawi memandangkan baik sifat zuhud terhadap dunia dan tidak sibuk dengan perkara duniawi. Keadaan para nabi yang terdahulu adalah sebaik-baik bukti kepada kenyataan di atas. Nabi Isa a.s. adalah manusia yang paling zuhud terhadap dunia. Begitu juga dengan nabi Musa a.s. dan nabi Ibrahim a.s..

Kehidupan mereka pada zaman kanak-kanak adalah jauh daripada kemewahan duniawi. Semua mereka hidup dalam keadaan yang sederhana. Semua ini mempunyai hikmat yang besar yang ingin Allah tonjolkan melalui kehidupan para nabi-Nya. Supaya mereka menjadi teladan yang baik kepada para pengikut dalam menjaga diri daripada tipu daya dunia. Ini kerana perkara duniawi adalah penyebab kepada bala' dan malapetaka.

معيشته عليه الصلاة والسلام قبل البعثة

لم يرث عليه الصلاة والسلام من والده شيئاً، بل ولد يتيماً عائلاً فاسترضع في بني سعد، ولما بلغ مبلغاً يمكّنه أن يعمل عملاً كان يرعى الغنم مع إخوته من الرضاع في البادية، وكذلك لما رجع إلى مكة كان يرعاها لأهلها على قراريط كما ذكر ذلك البخاري في صحيحه. ووجود الأنبياء في حال التجرد عن الدنيا ومشاغلتها أمر لا بدّ منه، لأنهم لو وجدوا أغنياء لأهتتهم الدنيا وشغلوا بها عن السعادة الأبدية، ولذلك ترى جميع الشرائع الإلهية متفقة على استحسان الزهد فيها والتباعد عنها، وحال الأنبياء السالفين أعظم شاهد على ذلك، فكان عيسى عليه السلام أزهّد الناس في الدنيا، وكذلك كان موسى، وإبراهيم. وكانت حالتهم في صغرهم ليست سعة بل كلهم سواء؛ تلك حكمة بالغة أظهرها الله على أنبيائه ليكونوا نموذجاً لمتبعيهم في الامتناع عن التكالب على الدنيا والتهافت عليها، وذلك سبب البلايا والمحن.

Begitu juga dengan kerja mengembala kambing. Semua nabi melakukan kerja ini. Perkara ini telah dinyatakan sendiri oleh Rasulullah s.a.w. sebagaimana yang terdapat dalam hadith yang diriwayatkan oleh Bukhari. Ia juga mempunyai hikmat yang besar. Kerana apabila manusia mengembala kambing (kambing adalah binatang ternakan yang paling lemah), maka hatinya akan dikuasai oleh perasaan belas kasihan dan lemah lembut. Apabila Baginda s.a.w. diamanahkan supaya mengembala (mengurus urusan) manusia selepas itu, maka Baginda akan menjadi orang yang layak untuk melaksanakannya. Kerana sebelum itu Baginda telah dibersihkan daripada sifat ego dan kecenderungan untuk melakukan kezaliman.

Ketika umur dewasa, Rasulullah s.a.w. berniaga. Rakan kongsi perniagaan Baginda adalah al-Saib bin Abu al-Saib. Baginda s.a.w. membawa harta kepunyaan Khadijah ke negeri Syam untuk diperniagakan berdasarkan pembahagian untung yang telah ditetapkan. Apabila Khadijah dimulihkan melalui perkahwinan dengan Baginda s.a.w., ketika itu Khadijah adalah seorang kaya, maka Baginda berusaha untuk memperkembangkan harta tersebut. Dengan itu Rasulullah memakan hasil daripada penat lelahnya sendiri. Kurnian ini disebut oleh Allah:

“Bukankah Dia mendapatimu sebagai anak yatim, lalu Dia memberikan perlindungan? Dan Dia mendapatimu sesat, lalu Dia memberi petunjuk? Dan Dia mendapatimu seorang yang kekurangan, lalu Dia mencukupinya.

(al-Dhuha: 6-8)

Allah berfirman:

“Dan demikian juga Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad) ruh (al-Quran) dengan perintah Kami. Engkau tidak pernah mengetahui apakah al-Kitab (al-Quran) dan tidak mengetahui apakah keimanan, akan tetapi Kami menjadikan al-Quran itu sebagai cahaya yang dengannya kami memberikan petunjuk kepada sesiapa yang Kami kehendaki daripada hamba-hamba Kami..

(al-Syura: 52)

وكذلك رعاية الغنم، فما من نبي إلا رعاها كما أخبر عن ذلك الصادق المصدوق في حديث للبخاري. وهذه أيضاً من بالغ الحِكم فإن الإنسان إذا استرعى الغنم - وهي أضعف البهائم - سكن قلبه الرأفة واللفظ تعطفاً، فإذا انتقل من ذلك إلى رعاية الخلق كان لما هُذَّب أولاً من الحدة الطبيعية والظلم الغريزي، فيكون في أعدل الأحوال. ولما شَبَّ عليه الصلاة والسلام كان يتجر، وكان شريكه السائبين أبي السائب. وذهب بالتجارة لخديجة - ﷺ - إلى الشام على جُعل يأخذه. ولما شرفت خديجة بزواجه، وكانت ذات يسار، عمل في مالها وكان يأكل من نتيجة عمله. وحقق الله ما امتنَّ عليه به في سورة الضحى بقوله جلَّ ذكره: {أَلَمْ يَجِدْكَ يَتِيمًا فَآوَى (٦) وَوَجَدَكَ ضَالًّا فَهَدَى (٧) وَوَجَدَكَ عَائِلًا فَأَغْنَى (٨) وَكَذَلِكَ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ رُوحًا مِّنْ أَمْرِنَا مَا كُنْتَ تَدْرِي مَا الْكِتَابُ وَلَا الْإِيمَانُ وَلَا كُنَّا جَعَلْنَاهُ نُورًا نَّهْدِي بِهِ مَن نَّشَاءُ مِنْ عِبَادِنَا } (الشورى: ٥٢).

AKHLAK RASULULLAH S.A.W. BERSAMA KAUMNYA SEBELUM KERASULANNYA

Rasulullah s.a.w. adalah orang yang mempunyai akhlak terbaik di kalangan kaumnya, dan paling menjauhi kejahatan dan akhlak yang rendah. Baginda adalah orang yang paling menjaga maruah, paling baik pergaulan, sebaik-baik jiran, paling berlemah lembut, paling bercakap benar dan paling amanah. Oleh itu Baginda digelar oleh kaumnya sebagai al-Amin. Gelaran tersebut diberikan kerana memiliki sifat lemah lembut, sabar, bersyukur, adil, tawadhu', menjaga kesucian diri, pemurah, berani dan malu.

Sifat ini diakui sendiri oleh musuh ketat Baginda iaitu an-Nadr bin al-Harith daripada bani Abdul Dar. Dia berkata: "Ketika Muhammad masih remaja, beliau adalah orang yang paling kamu redhai, kata-katanya paling kamu percayai dan orang yang paling amanah di kalangan kamu. Tetapi apabila beliau dewasa dan membawa apa yang dibawanya sekarang, kamu mengatakannya sebagai tukang sihir. Tidak, demi Allah, beliau bukan tukang sihir!"

Kata-kata ini diluahkan ketika orang-orang Quraisy ingin mengambil kata sepakat mengenai apakah yang akan mereka perkatkan kepada orang-orang Arab yang akan datang ke Mekah untuk mengerjakan haji. Supaya mereka dapat mencapai kata sepakat mengenai tuduhan yang munasabah terhadap Rasulullah s.a.w..

Hercules (raja Rom) pernah bertanya kepada Abu Sufian: Adakah kamu pernah menuduhnya berbohong sebelum beliau (Rasulullah s.a.w.) mengatakan apa yang dikatakannya sekarang? Abu Sufian menjawab: Tidak. Lantas Hercules berkata: Orang yang tidak bercakap bohong kepada manusia tidak akan berbohong kepada Allah. Peristiwa ini disebut di awal kitab Sahih al-Bukhari.

سيرته في قومه قبل البعثة

كان عليه الصلاة والسلام أحسن قومه خلقاً، وأصدقهم حديثاً، وأعظمهم أمانة، وأبعدهم عن الفحش والأخلاق التي تدنس الرجال، حتى كان أفضل قومه مروءةً، وأكرمهم مخالطةً، وخيرهم جواراً، وأعظمهم حلماً، وأصدقهم حديثاً، فسّموه الأمين لما جمع الله فيه من الأمور الصالحة الحميدة، والفعال السديدة من الحلم، والصبر، والشكر، والعدل، والتواضع، والعفة، والجود، والشجاعة، والحياء. حتى شهد له بذلك ألد أعدائه النضر بن الحارث من بني عبد الدار حيث يقول: قد كان محمد فيكم غلاماً حدثاً، أرضاكم فيكم وأصدقكم حديثاً وأعظمكم أمانةً، حتى إذا رأيتم في صدغيه الشيب وجاءكم بما جاءكم قلتم: ساحر، لا والله ما هو بساحر. قال ذلك في معرض الاتفاق على ما يقولونه للعرب الذين يحضرون الموسم حتى يكونوا متفقين على قول مقبول يقولونه. ولما سأل هرقل ملك الروم أبا سفيان قائلاً: هل كنتم تتهمونه بالكذب قبل أن يقول ما قال؟ قال: لا، فقال هرقل: ما كان ليدع الكذب على الناس ويكذب على الله، ورد ذلك في أول صحيح البخاري.

Semenjak kecil lagi Allah telah menjaga peribadi Rasulullah s.a.w. daripada melakukan amalan-amalan jahiliah yang ditentang oleh syariat yang dibawanya. Baginda s.a.w. juga amat membenci berhala sehingga Baginda tidak pernah menghadiri perayaan atau pesta yang diadakan oleh penyembahnya. Baginda menceritakan: "Ketika aku masih kecil, aku membenci berhala dan juga syair. Aku tidak pernah mengambil berat apa yang dilakukan oleh orang-orang jahiliah kecuali dua kali. Tetapi dalam kedua-dua peristiwa tersebut, Allah telah menghalangku daripada melakukannya. Selepas itu, aku tidak pernah terlantas untuk melakukan perkara buruk sehinggalah Allah memuliakan aku dengan memberikan risalah-Nya kepadaku. Pada suatu malam, aku berkata kepada pengembala upahan yang mengembala bersamaku: Tolong jaga kambing-kambing aku. Aku mahu lepak di kota Mekah sebagaimana pemuda lain. Aku pergi ke Mekah untuk tujuan tersebut. Ketika sampai di rumah pertama di Mekah, aku mendengar tepukan rebana dan muzik untuk meraikan pengantin. Aku duduk untuk mendengarnya. Ketika itu Allah menutup telingaku dengan menidurkanku. Aku terus tidur sehingga dikejutkan oleh kepanasan cahaya matahari. Aku tidak berbuat apa-apapun pada malam tersebut. Peristiwa yang sama juga berlaku kepadaku pada kesempatan yang lain."

Rasulullah s.a.w. tidak memakan sembelihan yang dilakukan untuk berhala. Baginda tidak meminum arak sekalipun ia adalah budaya kaumnya. Semua itu adalah sifat yang Allah hiaskan kepada para Nabi-Nya supaya mereka mempunyai persiapan yang sempurna untuk menerima wahyu. Mereka tidak melakukan perkara-perkara keji dan hina sebelum dan selepas dilantik sebagai nabi. Mereka tidak melakukan perkara tersebut sebelum diutuskan sebagai nabi untuk melayakkan mereka menerima perkara besar yang akan diberikan kepadanya. Mereka tidak melakukannya selepas pengutusan supaya mereka menjadi qudwah (ikutan yang baik) kepada umat mereka. Semoga Allah melimpahkan salawat dan salam yang sebaik-baiknya kepada mereka.

وقد حفظه الله في صغره من كل أعمال الجاهلية التي جاء شرعه الشريف بضدها وبُعِضَتْ إليه الأوثان بغضاً شديداً حتى ما كان يحضر لها احتفالاً أو عيداً مما يقوم به عبّادها. وقال عليه الصلاة والسلام: «لما نشأتُ بُعِضْتُ إلى الأوثان، وبُعِضُ إلى الشعر، ولم أهتم بشيء مما كانت الجاهلية تفعله إلا مرتين، كل ذلك يحول الله بيني وبين ما أريد من ذلك. ثم ما هممتُ بسوء بعدهما حتى أكرمني الله برسالته. قلت ليلة لغلام كان يرعى معي: لو أبصرت لي غنمي حتى أدخل مكة فأستمر كما يسمر الشباب، فخرجت لذلك حتى جئتُ أول دارٍ من مكة أسمع عزفاً بالدفوف والمزامير لعرس بعضهم، فجلست لذلك، فضرب الله على أذنيّ فنمت فما أيقظني إلا مسّ الشمس ولم أقض شيئاً، ثم عراني مرة أخرى مثل ذلك». وكان عليه الصلاة والسلام لا يأكل ما ذبح على النصب وحرّم شرب الخمر على نفسه مع شيوعه في قومه شيوعاً عظيماً، وذلك كله من الصفات التي يُحَلِّي الله بها أنبياءه ليكونوا على تمام الاستعداد لتلقّي وحيه، فهم معصومون من الأدناس قبل النبوة وبعدها، أما قبل النبوة فليتأهلوا للأمر العظيم الذي سيُسند إليهم، وأمّا بعدها فليكونوا قدوة لأمتهم. عليهم من الله أفضل الصلوات وأتمّ التسليمات.

KEMULIAAN ANUGERAH ALLAH SEBELUM KERASULANNYA

Pemberian Allah yang pertama ialah keberkatan yang berlaku kepada keluarga Halimah yang menyusukan Baginda s.a.w.. Sebelum Baginda s.a.w. tinggal bersama keluarga Halimah, mereka berada dalam serba kekurangan. Apabila Baginda berada bersama-sama mereka, kambing-kambing mereka mula gemuk dan mengeluarkan susu. Semoga Allah merahmati al-Bushoiri ketika beliau berkata dalam qasidah Hamziahnya: "Apabila Allah menundukkan seseorang, Kepada orang yang bahagia, merekalah orang yang bahagia".

Selepas itu ia diikuti dengan peristiwa pembelahan dada dan mengeluarkan bahagian syaitan daripada diri Rasulullah. Perkara ini bukanlah suatu yang ajaib jika dibandingkan kepada kekuasaan Allah. Sesiapa yang menolak peristiwa seumpama ini, maka dia adalah orang yang pendek akal dan tidak mengetahui sedikitpun kekuatan Allah. Ini kerana peristiwa luar biasa yang berlaku kepada para nabi bukanlah perkara baru dan asing.

Di antara perkara luar biasa lain yang merupakan kemuliaan kepada Rasulullah s.a.w. ialah Allah menjadikan awan melindungi Baginda ketika panas terik dalam perjalanan ke Syam. Dalam perjalanan tersebut, hanya Rasulullah s.a.w. seorang sahaja yang dilindungi. Perkara ini diceritakan sendiri oleh Maisarah; orang suruhan Khadijah yang bermusafir bersama-sama Rasulullah s.a.w.. Ini menjadikan Khadijah menyintai dan melamar Baginda s.a.w.. Khadijah menyakini bahawa Baginda mempunyai masa depan yang gemilang. Oleh sebab itu, apabila Baginda s.a.w. dilantik sebagai nabi, Khadijah segera beriman tanpa menunggu bukti-bukti yang lain sebagai tambahan kepada kemuliaan akhlak Rasulullah s.a.w. dan perkara luar biasa yang telah didengarnya.

ما أكرمه الله به قبل النبوة

أول منحة من الله ما حصل من البركات على آل حليمة الذين كان مسترضعاً فيهم، فقد كانوا قبل حلوله بناديهم مجدين فلما صار بينهم صارت غنيماتهم تؤوب من مرعاها وإن أضراعها لتسيل لبناً، ويرحم الله البوصيري حيث يقول في همزته:

وإذا سحرَّ الإله أناساً سعيدٍ فإنَّهم سُعداءُ ثم أعقب ذلك ما حصل من شق صدره وإخراج حظِّ الشيطان منه، وليس هذا بالعجيب على قدرة الله تعالى، فمن استبعد ذلك كان قليل النظر، لا يعرف من قوة الله شيئاً، لأن خرق العادات للأنبياء ليس بالأمر المستحدث ولا المستغرب.

ومن المكرمات الإلهية تسخير الغمامة له في سفره إلى الشام، حتى كانت تظله في اليوم الصائف لا يشترك معه أحد في القافلة، كما روى ذلك ميسرة غلام خديجة الذي كان مُشاركاً له في سفره، وهذا ما حبَّبه إلى خديجة حتى خطبته لنفسها، وتيقنت أن له في المستقبل شأنًا. ولذلك لما جاءته النبوة كانت أسرع الناس إيماناً به، ولم تنتظر آيةً أخرى زيادة على ما علمته من مكارم الأخلاق، وما سمعته من خوارق العادات.

Di antara kurniaan Allah kepada Rasulullah s.a.w. ialah pokok-pokok dan batu-batu memberi salam dan Baginda mendengarnya. Ketika Rasulullah s.a.w. keluar untuk membuang air, Baginda keluar ke kawasan yang agak jauh sehingga bangunan di Mekah tidak kelihatan. Baginda pergi ke lereng-lereng bukit dan lembah-lembah. Dalam perjalanan tersebut, Baginda mendengar semua batu dan pokok yang dilaluinya mengucapkan: "Salawat dan salam kepadamu wahai Rasulullah s.a.w.." Baginda berpaling ke kiri, kanan dan belakang, tetapi tidak mendapati seseorangpun. Peristiwa ini telah diceritakan sendiri oleh Rasulullah s.a.w.

Perkara seperti ini bukan sesuatu yang aneh. Benda-benda yang tidak bernyawa telah disuruh berkhidmat kepada para nabi sebelum nabi Muhammad s.a.w.. Tongkat nabi Musa telah bertukar menjadi ular yang mengalahkan semua perkara yang dilakukan oleh tukang sihir Firaun. Selepas itu ia kembali kepada kejadian asalnya iaitu tongkat. Apabila nabi Musa memukul batu dengan tongkatnya, sebanyak 12 mata air telah keluar dari batu tersebut. Setiap puak bani Israel mendapat mata air masing-masing. Begitu juga dengan para nabi yang lain. Allah telah menjadikan benda-benda yang tidak bernyawa yang dikehendaki-Nya memberikan khidmat kepada mereka untuk menunjukkan kepada orang-orang yang berakal tentang kebesaran, kekuasaan dan ketinggian kedudukan-Nya.

ومن ممن الله عليه ما كان يسمعه من السلام عليه من الأحجار والأشجار، فكان إذا خرج لحاجته أبعد حتى لا يرى بناء، ويفضي إلى الشعاب وبطون الأودية فلا يمرّ بحجر ولا شجر إلا سمع: الصلاة والسلام عليك يا رسول الله، وكان يلتفت عن يمينه وشماله وخلفه فلا يرى أحداً، وقد حدث بذلك عن نفسه. وليس في ذلك كبير إشكال فقد سحر الله الجمادات للأنبياء قبله، فعصا موسى التقت ما صنع سحرة فرعون بعد أن تحولت حية تسعى ثم رجعت كما كانت، ولما ضرب بها الحجر نبع منه الماء اثنتي عشرة عيناً لكل سبط من أسباط بني إسرائيل عين. وكذلك غيره من الأنبياء سحر الله لهم ما شاء من أنواع الجمادات لتدلّ العقلاء على عظيم قدرهم وخطارة شأنهم.

BERITA GEMBIRA DALAM KITAB TAURAT

Allah menurunkan kitab Taurat kepada nabi Musa. Ia mengandung syariat yang sesuai dengan zaman penurunannya. Di dalamnya juga disebut ramai para nabi yang akan diutuskan. Di antara yang disebut ialah pengutusan Rasulullah s.a.w.. Berita tersebut ditujukan kepada nabi Musa a.s.: "Aku akan mengutuskan seorang nabi seperti kamu untuk mereka di kalangan mereka sendiri. Aku akan menjadikan wahyu-Ku bermain dibibirnya. Dia akan memberitahu mereka semua perkara yang Aku perintahkan. Sesiapa yang tidak mentaati apa yang disebutkannya dengan nama-Ku, maka Akulah yang akan membalasnya. Mana-mana nabi yang berani bersikap sombong terhadap-Ku dan bercakap dengan nama-Ku apa yang Aku tidak perintahkan, atau bercakap dengan nama tuhan-tuhan lain, maka dia akan dibunuh. Sekiranya kamu ingin membezakan di antara nabi sebenar dan nabi pembohong, maka inilah petandanya. Iaitu apa yang dikatakan dengan nama Tuhan akan berlaku tetapi ia tidak berlaku, maka dia adalah pembohong dan inginkan kebesaran untuk dirinya. Oleh itu, kamu jangan takut kepadanya.

Orang-orang Yahudi berkata: Orang yang dimaksudkan oleh berita gembira ini ialah Yusya' bin Num; pengganti nabi Musa a.s...Walau bagaimanapun, semasa nabi Isa a.s. menyampaikan risalah Tuhannya, mereka tetap menunggu-nunggu kedatangan nabi yang lain. Mereka telah menghantar utusan menemui Yuhana (Yahya) bertanyakan perihal dirinya. Mereka berkata: Kamukah Elia? Yuhana menjawab: Bukan. Mereka bertanya lagi: Kamukah al-Masih Isa? Yuhana menjawab: Bukan. Mereka bertanya lagi: Kamukah nabi? Yuhana menjawab: Bukan. Mereka berkata: Kalau bukan Elia, bukan Isa dan bukan nabi, kenapa kamu dijadikan ketua?

تبشير التوراة به

أنزل الله التوراة على موسى محتوية على الشرائع التي تناسب أهل ذلك الزمن، ونوّه فيها بذكر كثيرٍ من الأنبياء الذين علم الله أنه سيرسلهم، فمما جاء فيها تبشيراً برسولنا الكريم خطاباً لسيدنا موسى عليه السلام: «وسوف أقيم لهم نبياً مثلك من بين إخوتهم وأجعل كلامي في فمه ويكلمهم بكل شيء أمره به، ومن لم يُطع كلامه الذي يتكلم به باسمي فأنا الذي أنتقم منه، فأما النبي الذي يجترىء عليّ بالكبرياء ويتكلم باسمي بما لم أمره به أو باسم آلهة أخرى فليقتل، وإذا أحببت أن تميز بين النبي الصادق والكاذب فهذه علامتك: إن ما قاله ذلك النبي باسم الرب ولم يحدث فهو كاذب يريد تعظيم نفسه ولذلك لا تخشاه». ويقول اليهود إن هذه البشارة ليوشع بن نون خليفة موسى عليه السلام، مع أنهم كانوا ينتظرون في مدّة المسيح نبياً آخر غير المسيح، فإنهم أرسلوا ليوحنا المعمدان (يحيى) يسألونه عن نفسه فقالوا له: أنت إيليا؟ فقال: لا، فقالوا أنت المسيح؟ فقال: لا، فقالوا أنت النبي؟ فقال: لا، فقالوا ما بالك إذا تُعمد إذا كنت لست إيليا ولا المسيح ولا النبي؟ فهذه تدلّ على أن التوراة تبشر بإيليا والمسيح ونبي لم يأت حتى زمن المسيح،

Ini menunjukkan bahawa kitab Taurat menyebut bahawa sifat nabi yang akan dibangkitkan adalah seperti sifat nabi Musa a.s..

Berita gembira tersebut menyebut bahawa nabi yang berani melakukan pembohongan terhadap Allah akan dibunuh. Ia mempunyai persamaan dengan firman Allah;

“Dan kalaulah (Nabi Muhammad) mengata-ngata dengan (di atas) nama Kami sebarang kata-kata rekaan (secara dusta), nescaya Kami tentu akan pegang tangan kanannya, kemudian Kami benar-benar akan memotong tali jantungnya,

(al-Haaqqah: 44-46)

...dan Allah jualah akan memeliharaku daripada (kejahatan) manusia...

(al-Maidah: 67)

Tidak ada sesiapa pun yang dapat menghalang-Nya (Dialah yang Maha Berkuasa ke atas sesuatu) daripada menghukum mereka yang mengatakan bahawa Allah mengatakan sesuatu sedangkan sebenarnya Allah tidak mengatakannya. Allah berfirman:

“Bahkan mereka mengatakan: Dia (Nabi Muhammad) telah mengada-adakan dusta terhadap Allah. Maka jika Allah menghendaki, nescaya Dia mengunci-mati hatimu, dan Allah menghapuskan kebatilan serta menetapkan kebenaran dengan kalimah-Nya (al-Quran). Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui segala isi hati.

(al-Syura: 24)

Al-Qadhi 'Iyadh meriwayatkan dalam kitab al-Syifa' bahawa 'Atho' bin Yasar bertanya Abdullah bin 'Amru bin al-'As berkenaan sifat Rasulullah s.a.w.. Beliau menjawab: Benar, demi Allah, ia disifatkan dalam kitab Taurat! Sifat yang dinyatakan itu sama sebagaimana yang disifatkan oleh sebahagian ayat al-Quran;

“Wahai nabi, sesungguhnya Kami mengutusmu sebagai saksi, dan pembawa berita gembira, serta pemberi amaran.

(al-Ahzab: 45)

ثم إن التوراة تقول في صفة النبي إنه مثل موسى، وقد نصت في آخر سفر التثنية على أنه لم يقم في بني إسرائيل نبي مثل موسى، وورد في هذه البشارة أن النبي الذي يفترى على الله يُقتل، ويُشبه ذلك في القرآن قوله تعالى في سورة الحاقة: {وَلَوْ تَقَوَّلَ عَلَيْنَا بَعْضَ الْأَقَاوِيلِ (٤٤) لَأَخَذْنَا مِنْهُ بِالْيَمِينِ (٤٥) ثُمَّ لَقَطَعْنَا مِنْهُ الْوَتِينَ (٤٦) (الحاقة: ٤٤-٤٦)}

{وَاللَّهُ يَعَصِمُكَ مِنَ النَّاسِ} (المائدة: ٦٧) أكان يعجز الله - وهو القادر على كل شيء - أن يعاقب من ينسب إليه ما لم يقله وهو الذي قال في سورة الشورى: {أَمْ يَقُولُونَ افْتَرَى عَلَى اللَّهِ كَذِبًا فَإِنْ يَشِئِ اللَّهُ يَخْتِمْ عَلَى قَلْبِكَ وَيَمْحُ اللَّهُ الْبَاطِلَ وَيُحِقُّ الْحَقَّ بِكَلِمَاتِهِ إِنَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ (٢٤) (الشورى: ٢٤)}

وروى القاضي عياض في الشفا أن عطاء بن يسار سأل عبد الله بن عمرو بن العاص عن صفة رسول الله عليه الصلاة والسلام فقال: أجل والله إنه لموصوف في التوراة ببعض صفته في القرآن: يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَاهِدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا (٤٥) (الأحزاب: ٤٥)

Diriwayatkan juga daripada Abdullah bin Salam r.a.' perkara yang seumpamanya. Beliau adalah pemimpin Yahudi. Jawatan pemimpin tidak menjadikannya angkuh, Beliau telah meninggalkan agamanya dan memeluk Islam. Begitu juga dengan Ka'ab al-Ahbar (pendita Yahudi).

Mengenai hadith di atas, dalam riwayat yang lain disebut: Dia tidak menjerit-jerit pasar dan tidak menyebut perkataan yang tidak senonoh. Aku (Allah) hiasinya dengan semua kecantikan dan Aku kurniakan kepadanya semua akhlak yang mulia. Aku menjadikan ketenangan sebagai pakaiannya, kebaikan sebagai syiarnya, taqwa sebagai hatinya, hikmah sebagai tutur katanya, berkata benar dan menunaikan janji sebagai tabiatnya, memaaf dan melakukan kebaikan sebagai akhlaknya, keadilan sebagai sirah perjalanannya, kebenaran sebagai syariatnya, petunjuk sebagai imamnya, Islam sebagai jalan hidupnya, Ahmad sebagai namanya. Aku memberikannya petunjuk selepas dia sesat, mengajarnya selepas dia jahil, memasyhurnya selepas dia tidak dikenali, meninggikan darjatnya selepas ia tidak dihiraukan, memperbanyakkan pengikutnya selepas bilangan mereka sedikit dan menjadikannya kaya sesudah dia miskin. Aku juga menjadikan mereka bersatu di bawah panji-panjinya selepas mereka berpecah belah, mempertautkan di antara hati yang berbagai, keinginan yang berbeza-beza dan pelbagai bangsa melaluinya. Aku juga menjadikan umatnya sebagai umat terbaik yang dikeluarkan untuk manusia seluruhnya". Nabi Musa menyebut firman Allah mengenai sifat Rasulullah s.a.w. yang diturunkan kepadanya dalam kitab Taurat: Beliau adalah hamba-Ku, namanya Ahmad dan merupakan orang yang terpilih. Dilahirkan di Mekah, berhijrah ke Madinah dan umatnya adalah umat yang sentiasa memuji Allah di setiap keadaan.

وروي مثله عن عبد الله بن سلام رضي الله عنه وهو الذي كان رئيس اليهود فلم تُعَمِّه الرياسة حتى يترك الدين القويم، وكذلك كعب الأحبار. وفي بعض طرق الحديث: «ولا صَحَّابٍ في الأسواق ولا قَوَالٍ للخنا، أُسَدِّدُهُ لكل جميل، وأهب له كل خلق كريم، وأجعل السكينة لباسه، والبرَّ شعاره، والتقوى ضميره، والحكمة مقوله، والصدق والوفاء طبيعته، والعفو والمعروف خلقه، والعدل سيرته، والحق شريعته، والهدى إمامه، والإسلام ملته، وأحمد اسمه، أهدي به بعد الضلالة، وأعلم به بعد الجهالة، وأرفع به بعد الخمالة، وأسمي به بعد النكرة، وأكثّر به بعد القلّة، وأغني به بعد العيلة، وأجمع به بعد الفرقة، وأؤلّف به بين قلوب مختلفة، وأهواء متشتتة، وأمم متفرقة، وأجعل أمة خير أمة أُخرجت للناس». وقد أخبر عليه الصلاة والسلام عن صفة في التوراة فقال - وهو الصادق الأمين -:
عبدي أحمد المختار مولده مكة ومهاجره المدينة - أو قال: طيبة - وأمته الحمّادون الله على كل حال.

BERITA GEMBIRA YANG DISAMPAIKAN OLEH KITAB INJIL

Dalam kitab Injil, Nabi Isa a.s. telah memberikan berita gembira kepada kaumnya mengenai al-Farqalith. Maksud al-Farqalith ialah Muhammad atau Ahmad. Perkara ini dibenarkan oleh al-Quran. Allah berfirman:

"Dan (ingatlah) ketika Nabi Isa bin Maryam berkata: "Wahai Bani Israel sesungguhnya aku adalah utusan Allah kepadamu membenarkan kitab yang turun sebelumku iaitu Taurat dan memberi khabar gembira (mengenai) seorang Rasul yang akan datang selepasku, yang namanya Ahmad (Muhammad)"...

(al-Saff: 5)

Nabi 'Isa a.s. telah menyebut sifat-sifat al-Fargalith, Sifat-sifat tersebut hanya dimiliki oleh nabi Muhammad s.a.w.. Nabi Isa a.s. berkata: Dia mencela semua manusia disebabkan kesalahan-kesalahan yang dilakukan dan dia mengajar mereka semua kebenaran. Ini kerana apa yang dicakapkan bukanlah rekaannya sendiri, tetapi dia menuturkan semua yang didengari (wahyu) Sifat ini telah disebutkan dalam al-Quran;

"Dan dia (Muhammad) tidaklah memperkatakan (al Quran) itu mengikut hawa nafsu. Tidaklah apa yang dikatakan itu melainkan wahyu yang diwahyukan (kepadanya).

(an-Najm: 3-4)

Kitab Injil Barnaba telah menyebut nama Rasulullah s.a.w. secara jelas. Kitab ini baru saja ditemui tetapi ia disembunyikan oleh tangan-tangan yang jahil.

تبشير الإنجيل

بشّر عيسى عليه السلام قومه في الإنجيل بالفارقليط ومعناه قريب من مُحَمَّدٍ أو أحمد ويصدقّه في القرآن قول الله تعالى في سورة الصف: وَإِذْ قَالَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ يَا بَنِي إِسْرَائِيلَ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيَّ مِنَ التَّوْرَةِ وَمُبَشِّرًا بِرَسُولٍ يَأْتِي مِنْ بَعْدِي اسْمُهُ أَحْمَدُ { (الصف: ٦) وقد

وصف المسيح هذا الفارقليط بأوصاف لا تنطبق إلا على نبينا فقال: إنه

يوبخ العالم على خطيئته، وإنه يعلمهم جميع الحق لأنه ليس ينطق من

عنده بل يتكلم بكل ما يسمع، وهذا ما ورد في القرآن الكريم في سورة

النجم: { وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ (٣) إِنَّ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ (٤) } (النجم:

٣ - ٤)

وقد ورد في إنجيل برنابا - الذي ظهر منذ زمن قريب وأخفته حجب

الجهالة - ذكر اسم الرسول عليه الصلاة والسلام صراحة.

GERAKAN PEMIKIRAN SEBELUM PENGUTUSAN

Topik ini akan memudahkan para pembaca memahami gerakan besar yang dilakukan oleh para pendita dan rahib sebelum Baginda s.a.w. diutuskan sebagai Rasul. Orang-orang Yahudi Madinah mengharapkan kemenangan dalam berhadapan dengan orang-orang Arab Madinah dengan kedatangan Rasul yang ditunggu-tunggu.

'Asim bin 'Umar bin Qatadah menceritakan daripada beberapa orang lelaki di kalangan kaumnya, mereka berkata: Rasulullah s.a.w. menyeru kami kepada Islam dan membawa rahmat Allah kepada kami. Sebelum ini kami telah mendengarnya daripada para pendita Yahudi. Kami adalah orang-orang musyrikin dan penyembah berhala dan mereka adalah ahli kitab. Mereka mempunyai ilmu yang kami tidak mengetahuinya. Permusuhan sentiasa berlaku di antara kami dengan mereka. Apabila kami berjaya melakukan sesuatu yang mereka tidak suka, mereka akan berkata: Sekarang sudah hampir masanya seorang nabi akan diutuskan. Kami akan bersamanya untuk memerangi dan membunuh kamu sebagaimana kaum 'Ad dan Irm dibunuh. Kami acap kali mendengarnya daripada mereka. Apabila Allah mengutuskan nabi-Nya Muhammad s.a.w., kamu menyahut seruannya ketika Baginda menyeru kami kepada Allah. Kami mengetahui ancaman yang dilakukan terhadap kami sebelum ini. Dengan itu kami segera menyahut seruannya dan beriman sedangkan mereka (ahli kitab) mengkufuri Baginda s.a.w.

Orang-orang Yahudi berkata kepada mereka: "Kami bersamanya akan memerangi dan membunuh kamu sebagaimana kaum 'Ad dan Irm dibunuh." Kata-kata ini diluahkan disebabkan sifat Rasulullah s.a.w. yang disebut dalam kitab-kitab mereka ialah Nabi s.a.w. akan menghancurkan orang-orang musyrikin sehingga ke akar umbinya dengan menggunakan kekuatan ketenteraan. Mereka tidak menyangka bahawa perasaan dengki dan kejahatan yang ada di dalam hati mereka akan menjadikan mereka bertindak menolak agama yang benar. Dengan itu mereka layak untuk menerima azab di dunia dan di akhirat.

حركة الأفكار قبل البعثة

وهذا يسهل لك فهم الحركة العظيمة من الأحبار والرهبان قبيل البعثة فكان اليهود يستفتحون على عرب المدينة برسول منتظر. فقد حدث عاصم بن عمر بن قتادة عن رجال من قومه، قالوا: إنما دعانا للإسلام - مع رحمة الله تعالى لنا - ما كنا نسمع من أخبار يهود، كنا أهل شرك وأصحاب أوثان وكانوا أهل كتاب عندهم علم ليس لنا وكانت لا تزال بيننا وبينهم شرور، فإذا نلنا منهم بعض ما يكرهون، قالوا لنا: قد تقارب زمان نبي يُبعث الآن، نقتلكم معه قتل عاد وإرم. فكثيراً ما نسمع ذلك منهم. فلما بعث الله رسوله مُحمّداً أجَبْنَا حين دعانا إلى الله وعرفنا ما كانوا يتوعدوننا به، فبادرناهم إليه فآمنّا وكفروا. وإنما قال لهم اليهود نقتلكم معه قتل عاد وإرم لأن من صفته عليه الصلاة والسلام في كتبهم أن هذا النبيّ يستأصل المشركين بالقوة، ولم يكونوا يظنون أنّ الحسد والبغي سيتمكنان من أفئدتهم فينبذون الدين القيم فيحقق عليهم العذاب في الدنيا والآخرة.

Umayyah bin Abu al-Shilt, seorang arab beragama Nasrani sering menyebut: Aku mendapati sifat nabi yang akan diutuskan di negara kita dalam kitab-kitab yang terdahulu.

Salman al-Farisi menceritakan berkenaan dirinya bahawa beliau menemani pendita Nasrani untuk beberapa waktu. Pendita tersebut berkata: Wahai Salman, sesungguhnya Allah akan mengutuskan seorang Rasul yang bernama Ahmad! Dia akan keluar melalui bukit-bukit Tihamah. Tanda-tandanya ialah dia memakan harta yang dihadiahkan kepadanya, tetapi tidak memakan harta sedekah. Peristiwa ini adalah di antara sebab yang membawa keislamannya."

Apabila Rasulullah s.a.w. menghantar suratnya kepada para raja di muka bumi, tidak ada seorangpun yang menghina surat Baginda kecuali Kisra; raja Parsi. Ini kerana dia tidak mempunyai pengetahuan mengenai apa yang disebutkan oleh kitab-kitab terdahulu. Manakala semua raja-raja yang beragama Nasrani seperti Najashi; raja Habsyah, Muqaiqis; raja Mesir dan Qaisar; raja Rom, mereka semua memuliakan utusan Rasulullah s.a.w.. Di antara mereka ada yang beriman seperti Najashi, ada yang menolak dengan baik dan hampir-hampir memeluk Islam kalaulah tidak disebabkan ingin menjaga kerusi pemerintahan seperti Qaisar dan ada yang menghantar hadiah seperti Muqaiqis.³

Rasulullah s.a.w. tidak mempunyai kekuatan ketenteraan yang menjadikan semua raja-raja tersebut takutkan Baginda.

Apa yang berlaku tidak lain selain daripada mereka mengetahui bahawa nabi Isa a.s. telah menyampaikan berita gembira iaitu kedatangan seorang Rasul selepas Baginda. Semua sifat-sifat nabi yang mereka ketahui dimiliki oleh Rasulullah s.a.w.. Dengan itu mereka menerima seruan nabi secara baik. Terdapat banyak ramalan-ramalan dan bisikan-bisikan yang berlaku ketika hampirnya waktu pengutusan. Apa yang telah kami nyatakan sudah mencukupi. Walau bagaimanapun, perlu dinyatakan bahawa semua perbuatan dan perkataan yang dilakukan dan dituturkan oleh Rasulullah s.a.w. adalah sebaik-baik penguat kepada hujah dan dakwah yang disampaikan. Semua ini kita akan jelaskan selepas ini secara jelas. Oleh itu perhatikanlah baik-baik, kamu akan mendapat petunjuk. Semoga Allah menunjukkan kamu ke jalan yang benar.

وكان أمية بن أبي الصلت المنتصر العربي كثيراً ما يقول: إني لأجد في الكتب صفة نبي يبعث في بلادنا. وحدث سلمان الفارسي رضي الله عنه عن نفسه أنه صحب قسيساً فكان يقول له: يا سلمان إن الله سوف يبعث رسولاً اسمه أحمد، يخرج من جبال تهمامة، علامته أنه يأكل الهدية ولا يأكل الصدقة، وهذا الحديث كان من أسباب إسلام سلمان. ولما راسل عليه الصلاة والسلام ملوك الأرض لم يُهن كتابه إلا كسرى الذي ليس عنده علم من الكتاب، وأما جميع ملوك النصارى كالنجاشي ملك الحبشة، والمقوقس ملك مصر، وقيصر ملك الروم، فأكرموا وفادة رسله. ومنهم من آمن كالنجاشي، ومنهم من ردّ ردّاً لطيفاً وكاد يسلم لولا غلبة الملك كقيصر، ومنهم من هادى كالمقوقس، ولم يكن عليه الصلاة والسلام في قوة يُرهّب بها هؤلاء الملوك اللهم ما ذاك إلا لأنهم يعلمون أن المسيح عليه السلام بشر برسول يأتي من بعده، ووافقت صفات رسولنا ما عندهم فأجابوا بالتي هي أحسن، وأما ما سُمع من الهواتف والكهان قبيل زمنه فهو ما لا يدخل تحت حصر. وليس بعد ما ذكرته لك زيادة لمستكثر. ومع ذلك كله فالأعمال التي جاد الله بها على يديه والأقوال التي أتانا بها أعظم مقوّل حجته ومؤيد لدعوته. وسيأتي عليك بيان ذلك كله بأجلى بيان فتأملّه ترشد هداك الله إلى الصراط السويّ.

PERMULAAN PENURUNAN WAHYU

Apabila Rasulullah s.a.w. mencapai usia kesempurnaan iaitu 40 tahun, Allah mengutuskan Baginda sebagai pembawa berita gembira dan pemberi amaran. Ini dilakukan untuk mengeluarkan manusia daripada kegelapan kejahilan kepada cahaya ilmu. Peristiwa ini berlaku pada bulan Februari tahun 610M sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Marhum Mahmud Basya al-Falaki. Selepas kajian yang mendalam, di dapati bahawa penurunan wahyu berlaku pada 17 Ramadhan 13 tahun sebelum hijrah bersamaan Julai 610M

Penurunan wahyu ini dimulakan dengan berlakunya al-Ru'ya al-Shodiqah (mimpi yang benar). Baginda melihatnya dalam bentuk kedatangan cahaya subuh. Ia berlaku sesuai dengan kebiasaan yang dilakukan oleh Allah terhadap makhluk-Nya iaitu berperingkat-peringkat dalam melakukan semua perkara sehingga ia mencapai ke peringkat yang sempurna. Sememangnya amat payah untuk manusia menerima wahyu secara langsung daripada malaikat untuk pertama kalinya. Selepas berlaku mimpi yang benar, Allah menjadikan Baginda s.a.w. menyukai perbuatan khalwah (mengasingkan diri untuk beribadat- uzlah). Ia dilakukan dengan tujuan menjauhi kesesatan dan menjauhkan diri daripada manusia untuk beribadat kepada Allah. Ini kerana tindakan mengasingkan diri akan membersihkan jiwa. Baginda s.a.w berkhawah di gua Hira'. Di situ Baginda beribadat beberapa hari. Kadang kadang selama 10 hari dan kadang-kadang sehingga sebulan.

Ibadat yang dilakukan berdasarkan agama yang dibawa oleh nabi Ibrahim a.s.. Ketika berkhawah, Baginda s.a.w. membawa bekalan. Apabila bekalan habis, Baginda pulang menemui isterinya Khadijah untuk mendapatkan bekalan. Perkara ini terus berlaku sehingga Baginda didatangi malaikat Jibril. Ketika itu Baginda berada di dalam gua Hira'.

بدء الوحي

لما بلغ عليه الصلاة والسلام سن الكمال وهي أربعون سنة أرسله الله للعالمين بشيراً ونذيراً ليُخرجهم من ظلمات الجهالة إلى نور العلم وكان ذلك في أول فبراير سنة ٦١٠ من الميلاد كما أوضحه المرحوم محمود باشا الفلكي، تبين بعد دقة البحث أنّ ذلك كان في ١٧ رمضان سنة ١٣ قبل الهجرة وذلك يوافق يوليو سنة ٦١٠. وأول ما بدىء به الوحي الرؤيا الصادقة، فكان لا يرى رؤيا إلا جاءت مثل فلق الصبح، وذلك لما جرت به عادة الله في خلقه من التدرّج في الأمور كلها حتى تصل إلى درجة الكمال. ومن الصعب جداً على البشر تلقي الوحي من الملك لأول مرة، ثم حَبَّب إليه عليه الصلاة والسلام الخلاء، لئبتعد عن ظلمات هذا العالم وينقطع عن الخلق إلى الله فإن في العزلة صفاء السريرة. وكان يخلو بغار حراء فيتعبّد فيه الليالي ذوات العدد، فتارة عشراً، وتارة أكثر إلى شهر. وكانت عبادته على دين أبيه إبراهيم عليه السلام ويأخذ لذلك زاده، فإذا فرغ رجع إلى خديجة فيتزود لمثلها حتى جاءه الحق وهو في غار حراء،

Pada suatu hari, ketika Rasulullah s.a.w. berdiri di atas bukit, tiba-tiba muncul satu lembaga dan berkata: Bergembiralah wahai Muhammad. Aku adalah malaikat Jibril dan kamu adalah utusan Allah kepada umat ini. Kemudian malaikat Jibril berkata kepadanya: Bacalah!. Baginda menjawab: Aku tidak tahu membaca. Rasulullah s.a.w. adalah seorang yang buta huruf dan tidak pernah belajar membaca dan menulis sebelumnya. Lalu malaikat Jibril memeluk dan menutupi Baginda s.a.w. dengan selimut yang menjadi alas tidurnya sehingga Baginda merasa kesempitan, kemudian malaikat Jibril melepaskannya seraya berkata: Bacalah!. Baginda menjawab: Aku tidak tahu membaca. Lalu malaikat Jibril memeluk dan menutupi Baginda sekali lagi kemudian melepaskannya sambil berkata: Bacalah!. Baginda menjawab: Aku tidak tahu membaca. Lalu Jibril memeluk dan menutup Baginda untuk kali yang ketiga, kemudian berkata:

"Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan. (1) Dia telah menciptakan manusia daripada seketul darah. (2) Bacalah dan Tuhanmulah yang paling pemurah, (3) yang mengajar (manusia) dengan perantaraan qalam. (4) Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya. (5)

(al-'Alaq: 1-5)

"Dan orang-orang yang kafir itu berkata kepada Rasul-rasul mereka: "Kami sungguh-sungguh akan mengusir kamu dari negeri kami atau kamu kembali kepada agama kami...."

(Ibrahim: 13)

Untuk menyempurnakan pembenaran Waraqah terhadap risalah kenabian yang diberikan kepada Rasulullah s.a.w., dia berkata: Sekiranya aku masih hidup pada hari kamu dihalau, aku akan membantumu sekuat tenaga. Tidak beberapa lama selepas itu, Waraqah menemui ajalnya.

فبينما هو قائم في بعض الأيام على الجبل إذ ظهر له شخص، وقال: أبشر يا مُحَمَّد أنا جبريل، وأنت رسول الله إلى هذه الأمة. ثم قال له: اقرأ، قال: ما أنا بقارىء، فإنه عليه الصلاة والسلام أمي لم يتعلم القراءة قبلاً. فأخذه فغطه بالنمط الذي كان ينام عليه حتى بلغ منه الجهد، ثم أرسله، فقال: اقرأ. قال: ما أنا بقارىء. فأخذه فغطه ثانية ثم أرسله، فقال: اقرأ. قال: ما أنا بقارىء، فأخذه فغطه الثالثة، ثم أرسله

فقال: اقرأ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ (١) خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ (٢) اقرأ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ (٣) الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ (٤) عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ (٥)
(العلق: ١-٥)

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِرُسُلِهِمْ لَنُخْرِجَنَّكُمْ مِّنْ أَرْضِنَا أَوْ لَتَعُوْدَنَّ فِي مِلَّتِنَا {
(إبراهيم: ١٣)

ولتمام تصديق ورقة برسالة الرسول الأكرم عليه الصلاة والسلام قال: وإن يدركني يومك أنصرك نصراً مؤزراً (معضداً). ثم لم يلبث ورقة أن توفي.

WAHYU TERHENTI

Para ahli sejarah tidak sepakat dalam menentukan tempoh masa terhentinya penurunan wahyu. Pendapat yang paling rajih ialah 40 hari. Pemberhentian wahyu berlaku supaya Rasulullah s.a.w. merasa rindu untuk menerimanya. Perkara ini benar-benar berlaku. Kesan pemberhentian ini amat dirasai oleh Rasulullah s.a.w. sehingga setiap kali Baginda berada di puncak bukit, Baginda terasa ingin terjun kerana mengenangkan Allah telah melupakan dirinya selepas Baginda diberikan ni'mat yang besar itu. Iaitu ni'mat pemilihan sebagai penghubung di antara Allah dan makhluk-Nya. Selepas itu, malaikat muncul dan berkata: Kamu adalah utusan Allah yang sebenarnya. Dengan itu Rasulullah s.a.w. merasa tenang dan membatalkan niatnya untuk terjun. Apabila Allah menghendaki cahaya agama-Nya menampakkan diri di alam ini, maka Dia menurunkan kembali wahyu kepada Rasulullah s.a.w..

WAHYU TURUN SEMULA

Ketika Rasulullah s.a.w. sedang berjalan, tiba-tiba Baginda terdengar suara dari langit, lalu Baginda mendongak. Ketika itu Baginda melihat malaikat Jibril yang mendatangnya di gua Hira' sedang duduk di antara langit dan bumi. Rasulullah s.a.w. merasa takut kerana teringat apa yang telah dilakukan terhadapnya pada pertemuan kali pertama, lalu Baginda pulang sambil berkata: Selimutkan aku, selimutkan aku. Maka Allah menurunkan firman-Nya:

“Wahai orang yang berselimut. (1) Bangunlah, maka berilah peringatan. (2) Dan Tuhan kamu, maka agungkanlah. (3) Dan pakaian kamu, maka bersihkanlah. (4) Dan kejahatan, maka jauhkanlah. (5) Dan jangan kamu memberi (dengan tujuan) memperoleh lebih banyak. (6) Dan untuk (melakukan perintah) Tuhan kamu, maka bersabarlah. (7)

(al-Mudhathir: 1-7)

فترة الوحي

وَفَتَّرَ الْوَحْيَ مَدَّةً لَمْ يَتَّفَقْ عَلَيْهَا الْمُؤَرِّخُونَ، وَأَرْجَحُ أَقْوَالَهُمْ فِيهَا أَرْبَعُونَ يَوْمًا، لِيَشْتَدَّ شَوْقُ الرَّسُولِ لِلْوَحْيِ، وَقَدْ كَانَ، فَإِنْ الْحَالُ اشْتَدَّ بِهِ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ حَتَّى صَارَ كَلِمًا أَتَى ذُرُوءَ جَبَلٍ بَدَأَ لَهُ أَنْ يَرْمِي نَفْسَهُ مِنْهَا، حَذْرًا مِنْ قَطِيعَةِ اللَّهِ لَهُ بَعْدَ أَنْ أَرَاهُ نِعْمَتَهُ الْكَبِيرَى، وَهِيَ اخْتِيَارُهُ لِأَنْ يَكُونَ وَاسِطَةً بَيْنَهُ وَبَيْنَ خَلْقِهِ، فَيَتَبَدَّى لَهُ الْمَلَكُ قَائِلًا: أَنْتَ رَسُولُ اللَّهِ حَقًّا، فَيُطْمئن خَاطِرُهُ وَيَرْجِعُ عَمَّا عَزَمَ عَلَيْهِ، حَتَّى أَرَادَ اللَّهُ أَنْ يَظْهَرَ لِلْوُجُودِ نُورَ الدِّينِ فَعَادَ إِلَيْهِ الْوَحْيُ.

عود الوحي

فَبَيْنَمَا هُوَ يَمْشِي إِذْ سَمِعَ صَوْتًا مِنَ السَّمَاءِ فَرَفَعَ إِلَيْهِ بَصْرَهُ، فَإِذَا الْمَلِكُ الَّذِي جَاءَهُ بِحِجْرٍ جَالِسٌ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ، فَرُعبَ مِنْهُ لِتَذَكُّرِ مَا فَعَلَهُ فِي الْمَرَّةِ الْأُولَى فَرَجَعَ وَقَالَ: دَثْرُونِي، دَثْرُونِي. فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى عَلَيْهِ: { يَا أَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ (١) قُمْ فَأَنْذِرْ (٢) وَرَبِّكَ فَكَبِّرْ (٣) وَثِيَابَكَ فَطَهِّرْ (٤) وَالرُّجْزَ فَاهْجُرْ (٥) وَلَا تَمَنَّ أَنْ تَمُنَّ تَسْتَكْثِرُ (٦) وَلِرَبِّكَ فَاصْبِرْ (٧) }

DAKWAH SECARA RAHSIA

Rasulullah s.a.w. menjalankan tugasnya. Baginda menyeru manusia yang bersikap kasar dan keras hati serta tidak beragama supaya menyembah Allah. Apa yang mereka lakukan hanyalah sujud kepada patung yang tidak mendatangkan faedah dan tidak memudaratkan. Mereka tidak mempunyai hujah selain daripada mengikut apa yang disembah oleh datuk nenek mereka. Mereka tidak mempunyai akhlak yang mulia. Akhlak mulia di sisi mereka hanyalah yang berkaitan dengan kebanggaan kaum dan kesombongan. Inilah yang menyebabkan banyak berlaku peperangan dan pertumpahan darah. Rasulullah s.a.w. datang kepada mereka dengan membawa perkara yang mereka belum mengenalinya. Dengan itu pemilik akal yang sejahtera segera menyahutnya dan meninggalkan penyembahan berhala. Manakala mereka yang ditipu oleh kedudukan dan pangkat menolak dan menyombong diri. Ini dilakukan dengan sangkaan supaya kedudukan dan pangkat mereka tidak dirampas.

Orang pertama yang menyahut seruan dakwah Rasulullah s.a.w. ialah isteri Baginda; Khadijah binti Khuwailid dan sepupu Baginda; 'Ali bin Abu Talib. 'Ali tinggal bersama-sama Rasulullah s.a.w.. Baginda menanggung makan minum dan keperluannya.

Ini kerana orang-orang Quraisy menghadapi kelaparan dan Abu Talib pula seorang miskin yang ramai 'anak. Dengan itu Baginda s.a.w. berkata kepada bapa saudaranya al-'Abbas bin Abdul Muttalib: Saudara kamu Abu Talib mempunyai ramai tanggungan. Sedangkan orang ramai sebagaimana yang kamu tahu berada dalam kesusahan. Marilah bersamaku pergi berjumpanya untuk kita kurangkan bebanan yang ditanggungnya. Aku ambil seorang dan kamu ambil seorang. Kedua-duanya pergi mendapatkan Abu Talib dan mengemukakan cadangan tersebut. Al-'Abbas mengambil Ja'far bin Abu Talib dan Rasulullah s.a.w. mengambil 'Ali bin Abu Talib.

الدعوة سرّاً

فقام عليه الصلاة والسلام بالأمر ودعا لعبادة الله أقواماً جُفَاءَ لا دين لهم، إلا أن يسجدوا لأصنام لا تنفع ولا تضر، ولا حجة لهم إلا أنهم متبعون لما كان يعبد آباؤهم، وليس عندهم من مكارم الأخلاق إلا ما كان مرتبطاً بالعزة والأنفة، وهو الذي كثيراً ما كان سبباً في الغارات والحروب وإهراق الدماء، فجاءهم رسول الله بما لا يعرفونه. فذوو العقول السليمة بادروا إلى التصديق وخلع الأوثان، ومن أعمته الرياسة أدبر واستكبر كيلاً تُسَلَّب منه عظمته. وكان أول من سَطَعَ عليه نور الإسلام خديجة بنت خويلد زوجته، وعلين أبي طالب ابن عمه، وكان مُقيماً عنده يُطعمه ويسقيه ويقوم بأمره، لأن قريشاً كانوا قد أصابتهم مجاعة، وكان أبو طالب مُقِلاً كثيراً الأولاد، فقال عليه الصلاة والسلام لعمة العباسين عبد المطلب «إن أخاك أبا طالب كثير العيال، والناس فيما ترى من الشدة، فانطلق بنا إليه لنخفف من عياله، تأخذ واحداً، وأنا واحداً»، فانطلقا وعرضاً عليه الأمر، فأخذ العباس جعفر بن أبي طالب،

Ali berada di bawah tanggungan Rasulullah s.a.w. seolah-olah anak sendiri sehingga Baginda diutuskan sebagai seorang nabi. Ketika itu 'Ali telah mencapai usia baligh.' 'Ali sentiasa mengikut apa yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dan beliau tidak dikotori oleh kotoran jahiliah seperti menyembah berhala dan mengikut hawa nafsu.

Dakwah Rasulullah s.a.w. juga disahut oleh Zaid bin Harithah bin Syarahbil al-Kalbi; hamba yang dibebaskan oleh Baginda s.a.w.. Beliau dipanggil Zaid bin Muhammad. Ini kerana apabila Baginda membelinya, Baginda memerdekakannya dan menjadikannya sebagai anak angkat. Anak angkat ketika itu dikira sebagai anak sendiri yang boleh mewarisi dan diwarisi. Ummu Aiman; pengasuh Rasulullah s.a.w. yang dikahwinkan dengan Zaid bin Harithah juga menyahut seruan dakwah yang disampaikan oleh Baginda s.a.w...

Orang pertama yang bukan daripada kalangan kaum keluarga Baginda yang menyahut seruan dakwah ialah Abu Bakar bin Abu Quhafah bin 'Amir bin 'Amru bin Ka'ab bin Sa'ad bin Taim bin Murrah al-Taimi al-Qurasyi. Beliau adalah teman rapat Rasulullah s.a.w. sebelum Baginda diutuskan sebagai nabi. Beliau mengetahui akhlak mulia yang menjadi sifat Baginda. Sepanjang persahabatan yang dijalinan, beliau tidak pernah mendapati Rasulullah s.a.w. berbohong. Pada kali pertama Rasulullah s.a.w. menceritakan risalah yang dibawanya, beliau segera membenarkannya. Beliau berkata: Demi ayahmu dan ibuku, kamu adalah orang yang berkata benar!. Aku menyaksikan bahawa tidak ada tuhan yang disembah melainkan Allah dan kamu adalah Rasulullah (utusan Allah), Abu Bakar adalah seorang yang disegani di kalangan Quraisy. Beliau seorang yang kaya dan berakhlak mulia. Beliau adalah orang yang paling menjaga kesucian diri, dermawan, disayangi oleh kaumnya dan mudah bergaul. Oleh itu kedudukan Abu Bakar di sisi Rasulullah s.a.w. ialah seperti seorang menteri. Baginda sentiasa berbincang dengan beliau dalam semua urusan yang dilakukan. Baginda bersabda mengenai Abu Bakar: "Semua orang yang aku seru kepada Islam, aku mendapatinya berada dalam keraguan melainkan Abu Bakar."

وأخذ عليه الصلاة والسلام عليّاً، فكان في كفالته كأحد أولاده إلى أن جاءت النبوة وقد ناهز الاحتلام، فكان تابعاً للنبي في كل أعماله، ولم يتدنس بدنس الجاهلية من عبادة الأوثان، واتباع الهوى، وأجاب أيضاً زيد بن حارثة بن شرحبيل الكلبي، مولاه عليه الصلاة والسلام، وكان يُقال له زيد بن مُحَمَّد، لأنه لما اشتراه أعتقه وتبناه، وكان المتبني معتبراً كابن حقيقي يرث ويورث، وأجابت أيضاً أمُّ أيمن حاضنته التي رَوَّجها لمولاه زيد. وأول مَنْ أجابه من غير أهل بيته أبو بكر بن أبي قحافة بن عامر بن عمرو بن كعب بن سعد بن تَيْمَن مَرَّة التيمي القرشي، كان صديقاً لرسول الله صلى الله عليه وسلم قبل النبوة يعلم ما اتَّصف به من مكارم الأخلاق ولم يَعهد عليه كذباً منذ اصطحبا، فأول ما أخبره برسالة الله أسرع بالتصديق، وقال: بأبي أنت وأمي، أهل الصدق أنت، أشهد أن لا إله إلا الله وأنت رسول الله. وكان ﷺ صدرًا معظماً في قريش على سعة من المال وكرم الأخلاق، وكان من أعفّ الناس، سخيّاً، يبذل المال، محبباً في قومه، حسن المجالسة، ولذلك كله كان من رسول الله ﷺ بمنزلة الوزير، فكان يستشيره في أموره كلها، وقال في حقه: «ما دعوت أحداً إلى الإسلام إلا كانت له كبوة غير أبي بكر».

Dakwah ketika itu dilakukan secara rahsia kerana bimbang berlaku kejutan di kalangan orang-orang Arab sehingga menjadikan mereka sukar untuk menerimanya. Rasulullah s.a.w. hanya menyeru orang yang dipercayainya sahaja. Abu Bakar juga menyeru orang-orang Quraisy yang dipercayainya kepada Islam. Di antara mereka yang berjaya didakwah oleh Abu Bakar dan menerima dakwah yang dibawa ialah;

i) Uthman bin Affan bin Abu al-'As bin Umayyah bin Abdu Syam bin Abdu Manaf al-Umawi al-Quraisyi. Apabila bapa saudaranya al-Hakam mengetahui keislamannya, dia mengikatnya dengan kuat dan berkata: Kamu meninggalkan agama datuk nenek kamu dan mengikut agama baru?! Demi Allah, aku tidak akan membuka ikatan ini sehingga kamu meninggalkan agamamu sekarang!. 'Uthman menjawab: Demi Allah, aku tidak akan meninggalkannya!. Melihatkan ketegasan dan keazamannya berpegang dengan kebenaran, dia membebaskan Uthman. Usia 'Uthman ketika itu hampir kepada 30 tahun.

ii) Az-Zubair bin al-Awwam bin Khuwailid bin Asad bin Abdul Uzza bin Qushoy al-Quraisyi. Ibunya bernama Sofiah binti Abdul Muttalib. Bapa saudara az-Zubair mengikatnya dan melemaskannya dalam kepulan asap supaya beliau kembali berpegang dengan agama datuk nenek mereka. Allah membantunya dengan menetapkan pendiriannya. Ketika itu beliau berada dalam usia remaja² yang belum mencapai umur baligh.

iii) Abdur Rahman bin 'Auf bin Abdu 'Auf bin Abdu bin al-Harith bin Zuhrah bin Kilab al-Quraisyi al-Hasyimi. Namanya pada zaman jahiliah ialah Abdu 'Amru. Nabi Muhammad menukar namanya kepada Abdur Rahman.

وكانت الدعوة إلى الإسلام سرّاً حذراً من مفاجأة العرب بأمر شديد كهذا، فيصعب استسلامهم، فكان عليه الصلاة والسلام لا يدعو إلا مَنْ يثق به. ودعا أبو بكر إلى الإسلام مَنْ يثق به من رجال قريش، فأجابه جمع منهم: عثمان بن عفان بن أبي العاصبن أمية بن عبد شمس بن عبد مناف الأموي القرشي، ولما علم عمه الحكمُ بإسلامه، أوثقه كتافاً وقال: ترغب عن دين آبائك إلى دين مستحدث؟ والله لا أحلك حتى تدع ما أنت عليه، فقال عثمان: والله لا أدعه ولا أفارقه. فلما رأى الحكم صلابته في الحق تركه، وكان كهلاً يناهز الثلاثين من عمره. ومنهم: الزبير بن العوّامين خويلد بن أسد بن عبد العزيز قصي القرشي، وأمه صفية بنت عبد المطلب، وكان عمّ الزبير يرسل الدخان عليه وهو مقيد ليرجع إلى دين آباءه، فقوّاه الله بالثبات، وكان شاباً لا يتجاوز سن الاحتلام.

ومنهم: عبد الرحمان بن عوف بن عبد عوف بن الحارث بن زهرة بن كلاب القرشي الهاشمي، وكان اسمه في الجاهلية عبد عمرو فسمّاه عليه الصلاة والسلام عبد الرحمان.

iv) Sa'ad bin Abu Waqqas Malik bin Uhaib bin Abdu Manaf bin Zuhrah bin Kilab az-Zuhri al-Quraisyi. Apabila ibunya Hamnah binti Sufian bin Umayyah mengetahui keislamannya, ibunya berkata: Wahai Sa'ad, aku mendapat berita bahawa kamu telah keluar daripada agamamu!. Demi Allah, aku akan berjemur panas dan sejuk, dan aku tidak akan makan dan minum sehingga kamu kufur terhadap Muhammad!. Ibunya berada dalam keadaan demikian selama tiga hari. Selepas itu Sa'ad bertemu Rasulullah s.a.w. dan mengadu kepadanya berkenaan tindakan ibunya. Lalu Allah menurunkan firman-Nya untuk mengajar tindakan yang perlu dilakukan. Allah berfirman;

“Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibubapanya; dan jika mereka berdua mendesakmu supaya mempersekutukan Daku dengan sesuatu yang kamu tidak mempunyai pengetahuan mengenainya, maka janganlah kamu taat kepada mereka. Kepada Akulah tempat kembali kamu semua, kemudian Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan. (al-Ankabut: 8)

Semua kamu akan kembali kepada Allah sama ada kamu beriman atau kafir. Ketika itu kamu akan mendapat balasan masing-masing. Pada akhir ayat ini terdapat dua perkara penting yang ingin dinyatakan iaitu memberikan peringatan bahawa Allahlah yang akan memberikan pembalasan. Oleh itu kamu jangan mempunyai niat untuk melakukan kekasaran terhadap kedua-duanya disebabkan kesyirikan mereka. Perkara kedua ialah galakan supaya tetapkan pendirian berada dalam kebenaran. Ini dilakukan supaya seseorang tidak menghadapi pembalasan yang buruk di akhirat kelak.

ومنهم: سعد بن أبي وقاص مالك بن أهيب بن عبد مناف بن زهرة بن كلاب الزهري القرشي. ولما علمت أمه حمنة بنت أبي سفيان بن أمية بإسلامه قالت له: يا سعد بلغني أنك قد صبأت، فوالله لا يظلني سقف من الحر والبرد، وإن الطعام والشراب عليّ حرام حتى تكفر بمحمد. وبقيت كذلك ثلاثة أيام ف جاء سعد إلى رسول الله ﷺ وشكا إليه أمر أمه فنزل في ذلك تعليماً قول الله تعالى في سورة العنكبوت: وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حُسْنًا وَإِنْ جَاهَدَاكَ لِتُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا إِلَىٰ مَرْجِعِكُمْ فَأُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ (٨) . {العنكبوت: ٨} من آمن منكم ومن أشرك، فأجازيكم حق جزائكم. وفي ختام هذه الآية فائدتان: التنبيه على أن الجزاء إلى الله فلا تحدّث نفسك بجفوتها لإشراكهما، والحضّ على الثبات في الدين لئلا ينال شرّ الجزاء في الأخرى.

v) Talhah bin 'Ubaidillah bin 'Uthman bin 'Amru bin Ka'ab bin Sa'ad bin Taim bin Murrah al-Taimi al-Quraisyi. Beliau mengetahui berita kerasulan Rasulullah s.a.w. dan sifat-sifatnya daripada rahib. Apabila Abu Bakar menyerunya kepada Islam dan beliau mendengar sendiri daripada Rasulullah s.a.w. apa yang Allah berikan manfaat untuknya serta melihat bahawa agama yang diseru adalah agama yang mantap serta jauh berbeza dengan kebiasaan orang-orang Arab, beliau segera menyahutnya.

vi) Di antara mereka yang mula-mula memeluk Islam ialah Suhaib al-Rumi. Beliau adalah di kalangan hamba yang dibebaskan. Begitu juga dengan Ammar bin Yasir al-'Ansi. Beliau berkata: Aku melihat Rasulullah saw, dan bilangan orang yang bersamanya hanyalah lima orang hamba, dua orang perempuan dan Abu Bakar. Bapanya Yasir dan ibunya Sumayyah turut menganut Islam.

vii) Di antara golongan pertama memeluk Islam ialah Abdullah bin Mas'ud. Beliau mengembala kambing kepunyaan beberapa orang musyrikin Quraisy. Apabila beliau melihat keterangan dan bukti yang jelas, dan kemuliaan akhlak yang diperjuangkan oleh Rasulullah s.a.w., maka beliau meninggalkan penyembahan berhala dan sentiasa mendampingi Rasulullah s.a.w.. Abdullah bin Mas'ud kerap kali memasuki rumah Rasulullah s.a.w. dan beliau bebas keluar masuk. Beliau berjalan di hadapan Baginda, mendindingi Baginda ketika mandi, mengejutnya ketika tidur, memakaikan kasut ketika Baginda bangun dan ketika Baginda duduk, beliau memegang kasut Baginda menggunakan kedua hastanya.

ومنهم: طلحة بن عبيد الله بن عثمان بن عمرو بن كعب بن سعد بن تيم بن مرة التيمي القرشي وقد كان عَرَفَ من الرهبان ذكرَ الرسول وصفته، فلما دعاه أبو بكر وسمع من رسول الله ما نفعه الله به، ورأى الدين متيناً بعيداً عمّا العرب من المثالب، بادر إلى الإسلام.

ومن سبقوا إلى الإسلام: صهيب الرومي وكان من الموالي، وعمّار بن ياسر العنسي وقد قال ﷺ: رأيتُ رسول الله ﷺ وما معه إلا خمسة أعبد وامرأتان وأبو بكر وكذلك أسلم أبوه ياسر وأمه سمية.

ومن السابقين الأولين: عبد الله بن مسعود، كان يرعى الغنم لبعض مُشركي قريش، فلما رأى الآيات الباهرة وما يدعو إليه عليه السلام من مكارم الأخلاق، ترك عبادة الأوثان ولزم رسول الله، وكان ﷺ كثير الدخول على الرسول لا يُحجب، ويمشي أمامه، ويستتره إذا اغتسل، ويوقظه إذا نام، ويُلبسه نعليه إذا قام، فإذا جلس أدخلهما في ذراعيه.

viii) Di antara golongan pertama memeluk Islam ialah Abu Zar al-Ghifari. Beliau adalah di kalangan orang-orang Arab Badwi (arab pendalaman), fasih bercakap dan manis tutur katanya.

Apabila mendapat berita pengutusan Rasulullah s.a.w., beliau berkata kepada saudaranya: Pergilah ke lembah ini. Dapatkan berita mengenai lelaki yang mendakwa dirinya nabi yang menerima berita daripada langit. Dengar apa yang dikatakan dan beritahuku. Saudaranya pun bertolak sehingga sampai di Mekah dan mendengar apa yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w.. Selepas itu dia pulang menemui Abu Zar dan berkata: Aku mendapatinya menyeru kepada kemuliaan akhlak dan dia menyebut perkataan yang bukannya syair. Abu Zar menjawab: Kamu belum melaksanakan sepenuhnya apa yang aku ingini.

Lalu Abu Zar mempersiapkan bekalan dan mengambil bekas air yang mengandungi air dan berangkat menuju ke Mekah. Dia pergi ke masjid dan mencari Nabi s.a.w. dalam keadaan tidak mengenalinya. Dia tidak mahu bertanyakan orang lain kerana mengetahui kebencian Quraisy terhadap mereka yang bercakap dengan Rasulullah s.a.w.

Apabila tiba waktu malam, 'Ali melihatnya dan dia mengetahui bahawa Abu Zar adalah orang luar. Maka 'Ali menjemputnya untuk menjadi tetamunya. Kedua-dua saling tidak bertanya mengenai sesuatupun di antara mereka. Ini berdasarkan prinsip melayan tetamu di sisi orang-orang Arab iaitu tidak bertanyakan tetamunya mengenai sebab kedatangannya kecuali setelah berlalu tiga hari.

Apabila tiba waktu pagi, Abu Zar membawa bekalan dan bekas airnya ke masjid. Dia tetap berada di situ sehingga ke waktu petang dan beliau tidak berjumpa nabi s.a.w.. Dia kembali ke tempat pembaringannya. 'Ali melalui kawasan tersebut lalu berkata: Sekarang masanya untuk lelaki ini mengetahui rumah yang dia menjadi tetamunya semalam. Maka 'Ali mengajaknya dan mereka berjalan bersama-sama tanpa bersoal jawab mengenai sesuatupun di antara mereka.

ومن السابقين الأولين: أبو ذر الغفاري وكان من أعراب البادية فصيحاً
حلوا الحديث، ولما بلغه مَبَعَثَ رسول الله قال لأخيه: اركب إلى هذا
الوادي فاعلم لي علم هذا الرجل الذي يزعم أنه نبي يأتيه الخبر من
السماء، واسمع من قوله، ثم ائتني. فانطلق الأخ حتى قدم مكة وسمع من
قول الرسول ﷺ ثم رجع إلى أبي ذر فقال: رأيته يأمر بمكارم الأخلاق
ويقول كلاماً ما هو بالشعر، فقال: ما شفيتني مما أردت. فتزوّد وحمل قربة
له فيها ماء، حتى قَدِمَ مكة فأتى المسجد، فالتمس النبي صلى الله عليه
وسلم ولا يعرفه، وكره أن يسأل عنه لما يعرفه من كراهة قريش لكل مَنْ
يخاطب رسول الله، حتى إذا أدركه الليل رآه عليّ فعرف أنه غريب فأضافه
عنده، ولم يسأل أحد منهما صاحبه عن شيء (على قاعدة الضيافة عند
العرب لا يُسأل الضيف عن سبب قدومه إلا بعد ثلاث) فلما أصبح
احتمل قربة وزاده إلى المسجد وظل ذلك اليوم ولا يراه الرسول حتى
أمسى، فعاد إلى مضجعه، فمرّ به عليّ فقال: أما آن للرجل أن يعرف
منزله الذي أُضيف به بالأمس؟ فأقامه، فذهب معه لا يسأل واحد منهما
صاحبه عن شيء،

Pada hari ketiga, 'Ali melakukan tindakan yang sama kemudian beliau bertanya kepada Abu Zar: Bolehkah kamu memberitahuku apakah tujuan kamu datang ke sini? Abu Zar menjawab: Sekiranya kamu berjanji untuk menunjukkan aku kepada tujuan aku datang ke sini, aku akan memberitahumu. 'Ali menyatakan kesanggupannya, lalu diceritakan tujuan sebenar kedatangannya. Ali berkata: Dia berada dalam kebenaran dan dia benar-benar Sekiranya aku melihat sesuatu yang membahayakan kamu, aku utusan Allah. Pada waktu pagi, kamu hendaklah mengikutku. akan berdiri seolah-olah aku menuangkan air. Sekiranya aku terus berjalan, maka ikutlah aku sehingga kamu memasuki tempat yang aku masuk.

Abu Zar melakukan apa yang diarahkan. Dia bertolak dan mengikut arah perjalanan 'Ali sehingga mereka menemui Rasulullah s.a.w.. Dia mendengar kata-kata Nabi s.a.w. dan memeluk Islam di situ. Rasulullah s.a.w. bersabda: Pulanglah kepada kaummu. Sampaikanlah dakwah ini kepada mereka sehingga arahanku sampai kepadamu. Abu Zar berkata: Demi Allah yang diriku berada di dalam genggamannya, aku akan isytiharkan keislamanku di tengah-tengah mereka!. Abu Zar keluar dan memasuki Masjid al-Haram lalu melaungkan dengan sekuat-kuat hatinya: Aku menyaksikan bahawa tidak ada tuhan melainkan Allah dan Muhammad adalah Rasulullah. Ketika itu orang ramai menyerbu dan memukulnya sehingga beliau terbaring.

Al-'Abbas datang sambil berkata: "Kamu ni! Apakah kamu tidak mengetahui bahawa lelaki ini daripada bani Ghifar? Jalan perniagaan kamu ke Syam melalui perkampungan mereka." Dengan itu al-'Abbas dapat menyelamatkannya. Keesokannya, Abu Zar mengulangi tindakan yang sama. Mereka memukul dan menyerbunya. Maka al-'Abbas mempertahankannya. Hadith ini diriwayatkan oleh Bukhari. Abu Zar adalah orang yang paling bercakap benar dan paling zuhud terhadap dunia.

حتى إذا كان اليوم الثالث عاد عليّ مثل ذلك، ثم قال له علي: ألا تحدّثني ما الذي أقدمك؟ قال: إن أعطيتني عهداً وميثاقاً لترشدني فعلت، ففعل فأخبره، قال: فإنه حق، وهو رسول الله، فإذا أصبحت فاتبعني، فإني إن رأيت شيئاً أخافه عليك قمت كأني أريق الماء، فإن مضيتُ فاتبعني حتى ندخل مدخلِي ففعل. فانطلق يتبع أثره حتى دخل على النبي، ودخل معه، فسمع من قوله، وأسلم مكانه، فقال له النبي ﷺ: «ارجع إلى قومك فأخبرهم حتى يأتيك أمري»، قال: والذي نفسي بيده لأصرخنّ بها بين ظهرانيهم. فخرج حتى أتى المسجد، فنادى بأعلى صوته: أشهد أن لا إله إلا الله وأن محمداً رسول الله. فقام القوم فضربوه حتى أضجعوه، وأتى العباس فأكبّ عليه وقال: ويلكم أولستُم تعلمون أنه من غفار، وأن طريق تجارتكم إلى الشام عليه؟ فأنقذه منهم، ثم عاد من الغد لمثلها، فضربوه وثاروا إليه، فأكبّ العباس عليه. رواه البخاري. وكان ﷺ من أصدق الناس قولاً، وأزهدهم في الدنيا.

ix) Di antara golongan pertama memeluk Islam ialah Sa'id bin Zaid al-'Adwi al-Quraisyi, isterinya Fatimah binti al-Khattab; saudara perempuan Umar, Ummu al-Fadl Lubabah binti al-Harith al-Hilaliyyah; isteri al-'Abbas bin Abdul Muttalib, 'Abidah bin al-Harith bin al-Muttalib bin Abdu Manaf, Abu Salamah Abdullah bin Abdul Asad al-Makhzumi al-Quraisyi: sepupu Rasulullah s.a.w., isteri beliau Ummu Salamah, 'Uthman bin Mazh'aun al-Jumahi al-Quraisyi dan dua orang saudaranya iaitu Qudamah dan Abdullah, dan al-Arqam bin Abu al-Arqam al-Makhzumi al-Quraisyi.

x) Di antara golongan pertama memeluk Islam ialah Khalid bin Sa'id bin al-'As bin Umayyah bin Abdus Syam al-Umawi al-Quraisyi. Bapanya seorang pembesar Quraisy. Apabila dia berserban, orang-orang Quraisy tidak akan berserban kerana menghormatinya. Khalid bin Sa'id telah bermimpi melihat dirinya akan terjatuh ke jurang yang sangat dalam. Lalu Rasulullah s.a.w. mendapatkannya dan menyelamatkannya.

Selepas itu dia datang menemui Baginda s.a.w. dan berkata: Apakah dakwah yang kamu serukan wahai Muhammad? Baginda menjawab: Aku menyeru kamu kepada hanya menyembah Allah dan tidak ada sekutu bagi-Nya, meninggalkan penyembahan batu yang tidak mendengar, tidak melihat, tidak mendatangkan kemudaratan dan kemanfaatan yang kamu lakukan sekarang. berbuat baik kepada kedua ibubapamu, jangan membunuh anak kamu kerana takutkan kefakiran, tidak berzina secara terang-terangan ataupun bersembunyi, jangan kamu membunuh jiwa yang tidak dibenarkan oleh Allah membunuhnya kecuali dengan cara yang sebenar, kamu tidak mendekati harta anak yatim kecuali dengan cara yang baik sehinggalah mereka mencapai umur baligh, kamu hendaklah mengukur dan menimbang secara yang adil, kamu hendaklah berlaku adil dalam menjatuhkan hukuman walaupun ketika menghukum kaum keluarga kamu yang terdekat dan kamu hendaklah menunaikan janji dengan orang yang mengadakan perjanjian dengan kamu. Maka Khalid pun memeluk Islam.

Apabila Khalid memeluk Islam, ayahnya memarahinya dan menyeksanya sehingga ke peringkat tidak memberinya makan.

ومن السابقين: سعيد بن زيد العدوي القرشي، وزوجه فاطمة بنت الخطاب أخت عمر، وأم الفضل لبابة بنت الحارث الهلالية، زوج العباس بن عبد المطلب، وعبيدة بن الحارث بن عبد المطلبين هاشم، ابن عم رسول الله ﷺ، وأبو سلمة عبد الله بن عبد الأسد المخزومي القرشي ابن عمه رسول الله ﷺ، وزوجه أم سلمة، وعثمان بن مظعون الجمحي القرشي، وأخواه قدامة، وعبد الله، والأرقم بن أبي الأرقم المخزومي القرشي.

ومن السابقين الأولين: خالد بن سعيد بن العاص بن أمية بن عبد شمس الأموي القرشي، كان أبوه سيد قريش إذا اعتم لم يعتم قرشي إجلالاً له، وكان خالد بن سعيد قد رأى في منامه أنه سيقع في هاوية، فأدركه رسول الله ﷺ وخلصه منها فجاء إليه وقال: إلام تدعو يا محمد؟ قال: «أدعوك إلى عبادة الله وحده لا شريك له، وأن تخلع ما أنت عليه من عبادة حجر لا يسمع ولا يبصر ولا يضرب ولا ينفع، والإحسان إلى والديك، وأن لا تقتل ولدك خشية الفقر، وأن لا تقرب الفاحشة ما ظهر منها وما بطن، وأن لا تقتل نفساً حرم الله إلا بالحق، وأن لا تقرب مال اليتيم إلا بالتي هي أحسن حتى يبلغ أشده، وأن توفي الكيل والميزان بالقسط، وأن تعدل في قولك ولو حكمت على ذوي قرباك، وأن توفي لمن عاهدت» فأسلم ﷺ، وحينئذ غضب عليه أبوه وأذاه حتى منعه القوت،

Lalu beliau berjumpa Rasulullah s.a.w. dan sentiasa berada bersama Baginda. Beliau melarikan diri daripada ayahnya dan tinggal di pinggir Mekah. Selepas keislamannya, saudaranya 'Amru bin Sa'id pula memeluk Islam.

Begitulah golongan mulia dan berkedudukan memeluk agama Islam. Rasulullah s.a.w. tidak mempunyai pedang yang dapat memenggal leher mereka sehingga mereka mentaati dan tunduk kepada Baginda s.a.w.. Rasulullah s.a.w. juga tidak memiliki sesuatu yang menyenangkan hati mereka sehingga mereka sanggup meninggalkan bapa-bapa dan orang-orang kaya di kalangan mereka dan menjadi pengikut Rasulullah untuk mereka memakan lebih harta Rasulullah s.a.w... Malah ramai di kalangan mereka yang mempunyai harta yang lebih banyak daripada harta yang dimiliki oleh Rasulullah s.a.w. seperti Abu Bakar, Uthman, Khalid bin Said dan lain-lain. Golongan hamba yang mengikut Baginda pula terpaksa memilih penyiksaan, kelaparan dan kesusahan dengan menjadi mereka, nescaya kehidupan mereka di dunia lebih tenang dan lebih pengikut Rasulullah s.a.w.. Sekiranya mereka mengikut tuan menyeronokkan. Demi Allah! Semua itu tidak lain selain daripada hidayat yang diberikan oleh Allah dan cahaya agama menyinari mereka sehingga dengannya mereka mampu membezakan di antara kesesatan dan petunjuk yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w..

فانصرف إلى رسول الله ﷺ، فكان يلزمه ويعيش معه، ويغيب عن أبيه في ضواحي مكة، وأسلم بعده أخوه عمرو بن سعيد.

وهكذا دخل هؤلاء الأشراف في دين الإسلام، ولم يكن مع رسول الله ﷺ سيف يضرب به أعناقهم حتى يطيعوه صاغرين، وليس معه ما يرغب فيه حتى يترك هؤلاء العظماء آباءهم، وذوي الثروة منهم، ويتبعوا الرسول ليأكلوا من فضل ماله، بل كان الكثير منهم واسع الثروة أكثر منه عليه الصلاة والسلام كأبي بكر وعثمان وخالد بن سعيد وغيرهم، والذين اتبعوه من الموالي اختاروا الأذى والجوع والمشقة مع اتباع الرسول، بحيث لو اتبعوا سادتهم لكانوا في هذه الدنيا أهدأ بالاً وأنعم عيشة، اللهم ليس ذلك إلا من هداية الله وسطوع أنوار الدين عليهم، حتى أدركوا ما هم عليه من الضلالة وما عليه رسول الله من الهدى.

BERDAKWAH SECARA TERANG-TERANGAN

Tempoh masa menyampaikan dakwah secara rahsia telah berlalu. Dalam tempoh tersebut, Nabi s.a.w. tidak menyampaikan dakwah di tempat-tempat umum yang menjadi tempat perhimpunan orang-orang Quraisy. Umat Islam pula tidak menzahirkan ibadat mereka kerana bimbang fahaman perkauman Quraisy yang sempit. Setiap orang yang ingin melakukan ibadat akan pergi ke lereng-lereng bukit di Mekah untuk bersembahyang secara bersembunyi. Apabila bilangan orang Islam menjangkau angka 30 orang, keadaan menuntut Rasulullah s.a.w. supaya berkumpul bersama mereka untuk mengajar mereka. Untuk tujuan itu, Baginda memilih rumah al-Arqam bin Abu al-Arqam² (Keislamannya telah kita sebutkan). Rasulullah s.a.w. terus melaksanakan dakwah secara rahsia sehingga Allah menurunkan firman-Nya;

"Maka sampaikanlah secara berterus-terang apa yang diperintahkan kepadamu (wahai Muhammad) dan berpalinglah daripada orang-orang musyrik itu".
(al Hijr: 94)

Dalam peristiwa ini Allah menurunkan firman-Nya dalam surah al-Lahab ayat satu sehingga lima;

"Binasalah kedua tangan Abu Lahab dan binasalah ia juga.(1) Tidak berfaedah kepadanya hartanya dan apa yang diusahakan.(2) Kelak ia akan memasuki ke dalam api yang bergelajak (3) Dan (begitu juga) isterinya pembawa kayu api.(4) Dilehernya ada tali daripada tali yang dipintal.(5)
(al-Lahab: 1-5)

Allah berfirman;

"Dan berikanlah peringatan dan amaran kepada kaum kerabat-mu yang dekat. Dan hendaklah engkau merendah diri kepada pengikut-pengikutmu daripada orang-orang yang beriman. Kemudian jika mereka (kaum kerabatmu yang dekat) berlaku ingkar kepadamu maka katakanlah: "Sesungguhnya aku berlepas diri daripada apa yang kamu lakukan."

(al-Syu'ara': 214-216)

الجهر بالتبليغ

مضت كل هذه المدة والنبي عليه الصلاة والسلام لا يُظهر الدعوة في مجامع قريش العمومية، ولم يكن المسلمون يتمكنون من إظهار عبادتهم حذراً من تعصب قريش، فكان كلُّ من أراد العبادة ذهب إلى شعاب مكة يصليّ مستخفياً، ولما دخل في الدين ما يربو على الثلاثين، وكان من اللازم اجتماع الرسول بهم ليرشدهم ويعلمهم، اختار لذلك دار الأرقمبن أبي الأرقم - وهو ممن ذكرنا إسلامهم - ومكث عليه الصلاة والسلام يدعو سرّاً حتى نزل عليه قوله تعالى في سورة الحجر: فَاصْدَعْ بِمَا تُؤْمَرُ وَأَعْرِضْ عَنِ الْمُشْرِكِينَ (٩٤)

(١) مَا أَغْنَىٰ عَنْهُ مَالُهُ وَمَا كَسَبَ (٢) سَيَصْلَىٰ نَارًا ذَاتَ لَهَبٍ (٣) وَأَمْرَأَتُهُ حَمَّالَةَ الْحَطَبِ (٤) فِي جِيدِهَا حَبْلٌ مِّن مَّسَدٍ (٥)

وَأَنْذِرْ عَشِيرَتَكَ الْأَقْرَبِينَ (٢١٤) وَاخْفِضْ جَنَاحَكَ لِمَنِ اتَّبَعَكَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ (٢١٥) فَإِنْ عَصَوْكَ { (الشعراء: ٢١٥، ٢١٦) أي: العشيرة والأقربون } فَقُلْ إِنِّي بَرِيءٌ مِّمَّا تَعْمَلُونَ { (الشعراء: ٢١٦)

Selepas penurunan ayat ini, Rasulullah s.a.w. mengumpulkan mereka dan berkata: Sesungguhnya seorang pemimpin tidak akan berbohong kepada kaum kerabatnya. Demi Allah, sekiranya aku bercakap bohong kepada semua manusia, aku tidak akan berbohong kepada kamu!. Sekiranya aku menipu manusia seluruhnya, aku tidak akan menipu kamu.

Demi Allah yang tidak ada tuhan selain-Nya, aku adalah utusan Allah kepada kamu secara khususnya dan kepada semua manusia!. Demi Allah, kamu akan mati sebagaimana kamu tidur!. Kamu akan dibangkitkan sebagaimana kamu bangun daripada tidur. Kamu akan dihisab berdasarkan amalan kamu. Kamu akan dibalas dengan kebaikan disebabkan kebaikan yang kamu lakukan dan dibalas dengan kejahatan disebabkan amalan kejahatan yang kamu kerjakan. Sesungguhnya tempat terakhir ialah syurga untuk selama-lamanya atau neraka untuk selama lamanya.

Hadirin memberikan komen secara baik selain bapa saudaranya Abu Lahab yang menjadi musuh ketat Rasulullah s.a.w.. Dia berkata: Tangkap dia sebelum orang-orang Arab mengumpulkan kekuatan untuk menyerangnya. Sekiranya hanya ketika itu baru kamu serahkannya kepada mereka, kamu akan dipandang hina. Sekiranya kamu mempertahankannya, kamu akan dibunuh. Lalu Abu Talib berkata: Demi Allah, kami akan mempertahankannya selagi hayat dikandung badan!. Kemudian mereka pun beredar.

Selepas Rasulullah s.a.w. menyampaikan dakwahnya secara terang-terangan, orang-orang Quraisy menghina dan mengejek Baginda di perhimpunan-perhimpunan mereka. Apabila Baginda melalui tempat mereka berada, mereka akan berkata: "Ini adalah anak Abu Kibayah yang bercakap dari langit. Ini adalah orang suruhan Abdul Muttalib yang bercakap dari langit." Kata-kata yang diucapkan tidak lebih daripada itu.

Apabila Rasulullah s.a.w. menyebut keaiban tuhan-tuhan mereka dan memperbodohkan akal pemikiran mereka serta berkata: "Wahai kaumku, sesungguhnya kamu telah menyeleweng daripada agama bapa kamu Ibrahim!", maka semangat jahiliah dan keinginan untuk mempertahankan tuhan-tuhan yang disembah oleh datuk nenek mereka memuncak.

فجمعهم عليه الصلاة والسلام وقال لهم: «إن الرائد لا يكذب أهله، والله لو كذبتُ الناس جميعاً ما كذبتكم، ولو غررتُ الناس جميعاً ما غررتكم، والله الذي لا إله إلا هو إني لرسول الله إليكم خاصة، وإلى الناس كافة، والله لتموتنَّ كما تنامون، ولتبعثنَّ كما تستيقظون، ولتحاسبنَّ بما تعملون، ولتجزؤنَّ بالإحسان إحساناً، وبالسوء سوءاً، وإِنَّهَا لَجَنَّةٌ أبدأً أو لنار أبدأً». فتكلم القوم كلاماً لئناً غير عمه أبي لهب الذي كان خصماً لدوداً فإنه قال: خذوا على يديه قبل أن تجتمع عليه العرب، فإن أسلمتموه إذاً ذلتم، وإن منعموه قُتلتم، فقال أبو طالب: والله لنمنعنه ما بقينا، ثم انصرف الجمع.

ولما جهر رسول الله عليه الصلاة والسلام بالدعوة سَخِرَتْ مِنْهُ قريش واستهزؤوا به في مجالسهم فكان إذا مرَّ عليهم يقولون: هذا ابن أبي كبشة يُكَلِّم من السماء، وهذا غلام عبد المطلب يُكَلِّم من السماء لا يزيدون على ذلك، فلما عاب آلهتهم، وسَقَّه عقولهم وقال لهم: «والله يا قوم لقد خالفتم دين أبيكم إبراهيم»، ثارت في رؤوسهم حمية الجاهلية غَيْرَةً على تلك الآلهة التي كان يعبدها آبائهم،

Oleh itu mereka mengadakan perjumpaan dengan bapa saudara Baginda s.a.w. Abu Talib; ketua bani Hasyim yang sanggup mempertahankan diri Rasulullah s.a.w. daripada kejahatan musuh. Mereka meminta Abu Talib supaya membiarkan sahaja mereka berhadapan dengan Muhammad s.a.w. ataupun Abu Talib hendaklah menghalang Baginda daripada menuturkan apa yang telah dituturkannya. Abu Talib memberikan jawapan yang baik kepada mereka, lalu mereka bersurai. Rasulullah s.a.w. tetap melakukan apa yang diingini dan tidak siapapun yang dapat menghalang apa yang ingin dilakukan. Konflik bertambah serius dan orang-orang Quraisy menyimpan perasaan dendam dan permusuhan terhadap Rasulullah s.a.w.. Sebahagian mereka cuba menyemarakkan lagi perasaan tersebut.

Selepas itu mereka sekali lagi mengadakan pertemuan dengan Abu Talib. Mereka berkata: "Kamu adalah orang tua, disegani dan berkedudukan. Kami telah meminta supaya kamu memberhentikan tindakan anak saudara kamu, tetapi kamu tidak melakukannya. Demi Allah, kami tidak dapat bersabar menghadapi tindak tanduk orang yang mencela datuk nenek kami, memperbodohkan akal pemikiran kami dan menghina tuhan-tuhan kami!" Ini kerana apabila mereka menggunakan hujah mengikut apa yang dilakukan oleh datuk nenek mereka sebagai dalil untuk menolak kebenaran, Baginda akan mencela mereka disebabkan mereka tidak menggunakan akal yang dijadikan untuk berfikir.

Allah berfirman; *Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Ikutlah apa yang diturunkan oleh Allah", mereka menjawab: "(Tidak) bahkan kami (hanya) menurut apa yang kami dapati datuk nenek kami melakukannya." Patutkah (mereka mengikutinya) sekalipun datuk nenek mereka itu tidak memahami sesuatupun (tentang perkara perkara agama) dan tidak pula mendapat petunjuk (Allah)?"* (al-Baqarah: 170)

Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Marilah menurut apa yang diturunkan oleh Allah (al-Quran) dan kepada RasulNya", mereka menjawab: "Cukuplah bagi kami apa yang kami dapati datuk nenek kami melakukannya. Adakah (mereka akan menurut juga) sekalipun datuk nenek mereka tidak memgetahui apa-apa dan tidak pula mendapat hidayah?"

(al-Maidah: 104)

فذهبوا إلى عمه أبي طالب سيد بني هاشم الذي أخذ على نفسه حمايته من أيدي أعدائه، فطلبوا منه أن يُحلي بينهم وبينه أو يكفّه عمّا يقول، فردّهم ردّاً جميلاً فانصرفوا عنه، ومضى رسول الله لما يريد لا يصدّه عن مراده شيء، فتزايد الأمر، وأضمرت قريش الحقد والعداوة لرسول الله صلى الله عليه وسلم، وحث بعضهم بعضاً على ذلك.

ثم مشوا إلى أبي طالب مرة أخرى وقالوا له: إن لك سناً وشرفاً ومنزلة منّا، وإنّا قد طلبنا منك أن تنهى ابن أخيك فلم تنهه عنّا، وإنّا والله لا نصبر على هذا من شتم آبائنا، وتسفيه عقولنا، وعيب آلهتنا. فإنهم كانوا إذا احتجوا بالتقليد في استمرارهم على عدم اتباع الحق ذمّمهم لعدم استعمال عقولهم فيما خلقت له.

قال تعالى في سورة البقرة: {وَإِذَا قِيلَ لَهُم اتَّبِعُوا مَا أَنْزَلَ اللَّهُ قَالُوا بَلْ نَتَّبِعُ مَا أَلْفَيْنَا عَلَيْهِ ءَابَاءَنَا أُولُو كَان ءَابَاؤُهُمْ لَا يَعْقِلُونَ شَيْئًا وَلَا يَهْتَدُونَ} (١٧٠)

وَإِذَا قِيلَ لَهُم تَعَالَوْا إِلَىٰ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَإِلَى الرَّسُولِ قَالُوا حَسْبُنَا مَا وَجَدْنَا عَلَيْهِ ءَابَاءَنَا أُولُو كَان ءَابَاؤُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ شَيْئًا وَلَا يَهْتَدُونَ (١٠٤)